

**SIKAP BRITISH TERHADAP PENGLIBATAN
JORDAN DALAM PERANG ENAM HARI ARAB ISRAEL, JUN 1967**

***BRITISH ATTITUDES TOWARD JORDAN'S
INVOLVEMENT IN THE SIXTH DAY ARAB-ISRAELI WAR, JUNE 1967***

**Muhamad Hasrul Zakariah
Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA**

Abstrak

Kajian ini menganalisis sikap British terhadap penglibatan Jordan dalam Perang Arab-Israel yang berlangsung selama enam hari pada bulan Jun 1967. Pakatan negara-negara Arab telah kalah dalam perang ini dan banyak wilayah mereka berjaya ditakluki oleh Israel. Dalam konteks Jordan, regim Israel telah berjaya menakluki wilayah Tebing Barat termasuk kawasan timur Baitul Maqdis yang berada di bawah pentadbiran Amman sejak tahun 1948. Kekalahan Jordan dan penaklukan Israel ini memberi kesan yang besar kepada kemandirian politik dan takhta Raja Hussein apabila pengaruh radikalisme Arab dan nasionalisme Palestin merebak, khususnya dalam kalangan pelarian Palestin yang ramai berada di Tebing Timur, Jordan. Dua isu utama yang mengancam kemandirian politik dan takhta Raja Hussein ketika itu ialah isu kebanjiran pelarian Palestin di Jordan dan penaklukan wilayah Baitul Maqdis Timur oleh regim Zionis. Kegoyahan takhta Raja Hussein secara tidak langsung turut memberi kesan kepada kedudukan strategik British di Asia Barat. Dengan menggunakan metodologi penyelidikan disiplin sejarah, kajian ini yang banyak merujuk dan menginterpretasi dokumen-dokumen rasmi kerajaan British yang diperolehi di *The National Archive*, London telah menganalisis tindak-tanduk British yang mencerminkan sikap sebenar mereka terhadap Raja Hussein dalam perang ini. Dapatan kajian merumuskan bahawa sikap British ini tidak lain bertujuan untuk memastikan Raja Hussein kekal bertakhta demi mempertahankan kepentingan London di Asia Barat, khususnya dalam kalangan negara-negara Arab moderat.

Kata kunci: British, Perang Arab Israel, Pelarian, Palestin, Jordan

Abstract

*This study analyses the British's attitude towards Jordan's involvement in the Sixth day Arab Israeli War of June 1967. The Arab coalition was defeated in the war and subsequently the Arab territories were occupied by the Israelis. In Jordan, the Zionist regime occupied the West Bank including the eastern part of Baitul Maqdis which was under the Jordanian controls since 1948. Jordan loss of the war caused a significant impact on the political survival of King Hussein. This is due to the influence of the Arab radicalism and Palestine's nationalist groups who resided at the East Bank of Jordan. There were two main issues plagued the king which were the influx of the new Palestinian refugees into Jordan's soil and the occupation of Baitul Maqdis by the Zionist regime. These issues were not just a threat to the King's throne and political survival but contributed a significant impact on the British's strategic position in West Asia. By applying a history discipline methodology, most of the sources referred and interpreted in this study are the archival documents of the British government official records obtained from *The National Archive* in London. The analysis of the British's action during the war indicated the actual British's attitude towards King Hussein during the war. The findings*

of this study concluded that the motive of the British's attitude towards King Hussein was to protect London's interest in West Asia, particularly among the Arab moderate regimes.

Keywords: *British, Arab Israeli War, Refugees, Palestine, Jordan*

Pengenalan

Makalah ini menganalisis sikap British terhadap kepemimpinan Raja Hussein di Jordan ketika teretusnya Perang Arab-Israel selama enam hari pada bulan Jun 1967. Fokus perbincangan ialah tentang dilema yang dihadapi oleh pihak British untuk mengimbangi sikap London terhadap Israel dengan kepentingan strategik British yang besar di negara-negara Arab. Diimbangi kembali, perang yang berlangsung selama enam hari tersebut merupakan salah satu peristiwa perang yang penting dalam sejarah konflik Arab-Israel sejak tahun 1948. Jordan ketika itu telah menyertai ketumbukan tentera Arab yang diketuai oleh presiden Gemal Abdul Nasser dari Mesir. Bermula pada 5 Jun 1967, perang ini kemudiannya telah ditamatkan melalui gencatan senjata pada 11 Jun 1967. Walaupun konflik ini berlaku dalam tempoh yang amat singkat, namun peristiwa ini telah mencatatkan implikasi yang amat besar terhadap perubahan geopolitik di rantau Asia Barat. Berakhirnya perang ini menyaksikan Israel telah berjaya menewaskan ketumbukan pakatan negara-negara Arab dan menawan wilayah-wilayah Arab seperti Tebing Barat, Gaza, Bukit Golan dan Baitul Maqdis Timur. Legasi daripada konflik ini masih kekal sehingga kini dan menjadi duri dalam daging dalam sebarang usaha rundingan damai Arab-Israel, khususnya berhubung dengan status Baitul Maqdis yang di dalamnya terdapat kompleks warisan bersejarah lagi sakral, khususnya Masjid Al-Aqsa dan *The Wailing Wall*. Sebelum teretusnya perang ini, wilayah Baitul Maqdis Timur merupakan wilayah di bawah pentadbiran Jordan sejak tahun 1948. Namun, kekalahan Jordan dalam perang ini menyaksikan regim Israel menakluki kota warisan ini dan sehingga kini menjadi sebahagian daripada wilayah di bawah pentadbiran Tel Aviv.

Pihak British pula tidaklah terlibat secara langsung dalam konflik perang ini sebagaimana penglibatan London bersama sekutunya Perancis dan Israel dalam perang Arab-Israel pada tahun 1956, atau dikenali juga sebagai Perang Suez. Walau bagaimanapun sehingga tahun 1967, kepentingan British masih kekal penting di rantau ini termasuklah kepentingan politik dan strategik London di Amman. Kekalahan Jordan dalam perang tersebut menjadi ancaman besar kepada kedudukan British di rantau Asia Barat amnya, dan wilayah Arab khususnya. Secara tradisinya, monarki Jordan merupakan sekutu tradisi Britain sejak pasca-Perang Dunia Pertama. Dalam masa yang sama, krisis antara Jordan dengan Israel menimbulkan dilema kepada London memandangkan Israel juga merupakan sekutu rapat Britain dan sekutu tradisi kepada Amerika Syarikat. Dalam konteks ini, sebarang salah percaturan akan menimbulkan masalah kepada Britain. Dilema yang dihadapi ialah sekiranya London menunjukkan kecenderungan berpihak kepada Jordan, maka kecemasan dari Tel Aviv dan Washington adalah dijangkakan. Namun, sekiranya London dilihat cenderung kepada Israel, maka Britain akan menghadapi ancaman daripada negara-negara Arab. Hal ini bermakna Britain akan berdepan dengan kemungkinan ancaman perdagangan dan minyak daripada negara-negara Arab yang merupakan antara pengeksport minyak terbesar ke Eropah dan pengimport produk perdagangan utama dari Britain. Berhubung hal ini, walaupun kepentingan minyak dan perdagangan di Jordan itu tidaklah sebesar kepentingan minyak dan perdagangan Britain di Negara-negara Arab yang lain seperti Iraq, Arab Saudi, Kuwait dan negara-negara Teluk, namun memandangkan Jordan merupakan sebahagian daripada pakatan negara-negara Arab ketika perang berlangsung, maka sebarang kesilapan diplomasi terhadap Jordan akan

dianggap sebagai sikap anti-Arab yang pastinya mengundang bencana besar terhadap kedudukan strategik dan kepentingan ekonomi Britain di rantau Asia Barat.

Perbincangan makalah ini akan difokuskan kepada sikap sebenar pihak British terhadap penglibatan Jordan dalam konflik tersebut. Analisis ini banyak bergantung kepada sumber-sumber arkib British khususnya yang diperolehi di *The National Archive* di London. Melalui analisis dan interpretasi terhadap sumber-sumber dokumen ini, makalah ini akan mendedahkan sikap sebenar London terhadap penglibatan Jordan dalam Perang Arab-Israel 1967, khususnya usaha-usaha pihak British mempertahankan kelangsungan pemerintahan regim Raja Hussein diganti dengan pemerintahan baharu khususnya golongan yang bersimpati dengan perjuangan rakyat Palestin. Ekoran daripada kekalahan dalam perang 1967 ini, kedudukan Raja Hussain menjadi genting dan beliau dipersalahkan terutama dengan kehilangan wilayah Baitul Maqdis Timur yang ditakluki oleh Israel. Ketidakstabilan Jordan kian getir dengan kemasukan beramai-ramai pelarian Palestin ke Jordan akibat daripada pengusiran yang dilakukan oleh Tel Aviv di wilayah-wilayah yang didudukinya khususnya di Tebing Barat. Kebanjiran pelarian Palestin membawa kepada kemunculan gerakan gerila-gerila militia *fedayeen* yang menimbulkan ancaman politik yang serius kepada kelangsungan pemerintahan Raja Hussein. Justeru, London melakukan pelbagai usaha untuk membantu mempertahankan takhta Raja Hussein yang sebenarnya hampir runtuh akibat dari perang Arab-Israel pada Jun 1967.

Raja Hussein dan Penglibatan Jordan dalam Perang Jun 1967

Hussein bin Talal bin Abdullah bin Hussein merupakan pemerintah monarki Jordan yang menaiki takhta sebagai Raja Jordan sejak tahun 1952 sehingga baginda meninggal dunia pada tahun 1999. Baginda kemudiannya diganti oleh puteranya Raja Abdullah II yang memerintah Jordan sehingga kini. Raja Hussein merupakan generasi keempat pemerintah Hijaz iaitu Sharif Hussein bin Ali (1853-1931) yang melancarkan Revolusi Besar Arab (*The Great Arab Revolt*) pada 10 Jun 1916 sehingga membawa kepada kekalahan Empayar Turki-Uthmaniyyah pada Perang Dunia Pertama.¹ Anak Sharif Hussein iaitu Raja Abdullah I (1882-1951) pula telah ditabalkan sebagai pemerintah monarki Jordan dengan gelaran Emir Transjordan oleh pihak British mulai 11 April 1921. Pihak British ketika itu melalui sokongan Setiausaha Tanah Jajahan, Winston Churchill pada Mac 1921 bersetuju untuk melantik Abdullah sebagai Emir dan mendirikan kerajaan Transjordan dengan misi mengekang penentangan negara Arab revolusioner seperti Mesir dan Iraq serta nasionalis Palestin terhadap sokongan London kepada penubuhan Israel. Menurut penganalisis Roger Louis, persetujuan pihak British ini adalah kerana, “*Abdullah like all Arab leaders opposed the creation of a sovereign Jewish state, but he eventually did prove to be more compliant than his Arab counterparts in its accommodation*”.² Dari segi kepentingan pihak British pula, seperti yang ditegaskan dalam penilaian oleh *Chiefs of Staff* British bahawa perlantikan Abdullah dan pembentukan Transjordan amat penting kerana:

*“The strategic importance of Transjordan lies in its central position in relation to the Middle East area as a whole and in the fact that direct communications between the oil producing areas in Palestine and Egypt traverse the country.”*³

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, Abdullah telah mendesak pihak British untuk melantik beliau sebagai raja bagi menggantikan gelaran Emir Transjordan. Pada peringkat awal, British keberatan untuk menyokong permintaan Abdullah selepas melihat penentangan daripada beberapa negara Arab khususnya Arab Saudi, Menurut ketua Jabatan Timur Tengah, Pejabat Luar British, C.W Baxter bahawa “*Ibn Saud will dislike the Emir’s rise in status*”.

Baxter malahan menyatakan, “*He...[Ibn Saud] regards the Emir Abdullah, the Head of Hashemite family, as his greatest enemy, But it is difficult to see how he can reasonably object to his becoming King. After all, Ibn Saud himself is a self-made king.*”⁴ Abdullah kemudiannya telah pergi ke London pada Januari 1946 dalam misi untuk mengabsahkan kedudukannya sebagai seorang raja dan menuntut kemerdekaan penuh bagi Transjordan. Dalam perbincangan dengan pegawai-pegawai kanan di Pejabat Tanah Jajahan serta Pejabat Luar British, diikuti pertemuan dengan Perdana Menteri Britain, Clement Atlee dan Setiausaha Luar, Ernest Bevin pada pertengahan Mac 1946, akhirnya perjanjian kemerdekaan Transjordan telah dimeterai dalam kunjungan tersebut setelah Abdullah bersetuju dengan beberapa syarat yang ditetapkan oleh pihak British.⁵ Setelah 25 tahun dilantik sebagai Emir Transjordan, Abdullah akhirnya dengan sokongan British telah diisytiharkan sebagai Raja Transjordan dengan sambutan kemerdekaan telah dibuat di Amman pada 25 Mei 1946.⁶

Selanjutnya, perisytiharaan penubuhan Israel pada bulan Mei 1948 pula telah mencetuskan ketegangan dengan Dunia Arab sehingga membawa kepada perang Arab-Israel yang pertama. Ketumbukan tentera Arab yang turut disertai oleh Transjordan pada ketika itu menyaksikan pakatan negara-negara Arab menerima kekalahan yang teruk.⁷ Kekalahan ini telah diakhiri dengan perjanjian damai Israel-Transjordan yang ditaja oleh Amerika Syarikat pada 3 April 1949. Dalam menyelesaikan isu Palestin berikutan dengan penubuhan Israel di wilayah Palestin, maka nama Transjordan kemudiannya telah ditukar kepada Jordan sahaja. Selanjutnya Raja Abdullah telah diiktiraf sebagai Raja Jordan dengan Tebing Barat, Palestin termasuk wilayah Baitul Maqdis Timur disatukan sebagai sebahagian wilayah Jordan secara rasmi mulai tahun 1950. Pihak British pula menyokong perubahan ini bagi memastikan kawalan Abdullah ke atas wilayah Arab Palestin kekal dan dalam masa yang sama mengekang kebangkitan nasionalis Palestin khususnya penentangan oleh Mufti Baitul Maqdis, Hajj Amin Al-Husseini yang disifatkan radikal dan mengancam kepentingan pihak British. Bagi London, wilayah yang diperuntukkan kepada bangsa Arab dalam pelan pembahagian Palestin, 1947 tidak seharusnya diserahkan kepada nasionalis Palestin sebagai sebuah negara Palestin yang merdeka, sebaliknya perlu diletakkan di bawah penguasaan Abdullah.⁸ Menurut Sir Hugh Dow, Konsul Jeneral British di Jerusalem:

*“We should be thrown back on an independent Arab state, which would not be and could not be made viable, and which would almost certainly be dominated by the Mufti [Hajj Amin], an implacable enemy both to us and to the Jews. We ought to be thankful that Abdullah is a land grabber.”*⁹

Sejak tertabalnya baginda sebagai Raja Jordan, Raja Abdullah I memerintah Jordan sehingga baginda dibunuh pada tahun 1951 dan diganti oleh anaknya Raja Talal. Raja Talal pula memerintah dalam tempoh yang amat singkat iaitu dari tahun 1951 sehingga tahun 1952 sebelum turun takhta akibat masalah kesihatan.¹⁰ Putera baginda, Raja Hussein kemudiannya menjadi Raja Jordan sehingga tahun 1999. Dalam konteks makalah ini, sosok figura monarki ini amat penting kerana pada era pemerintahan Raja Hussein, Jordan telah terlibat dengan Perang Arab-Israel pada Jun 1967 yang sebenarnya merupakan kesinambungan daripada perang Arab-Israel pada tahun 1948. Perang ini telah menyaksikan kekalahan yang teruk dialami oleh Jordan dan bermulanya penaklukan Israel ke atas seluruh wilayah Tebing Barat termasuk Baitul Maqdis.

Mengimbas kembali pada pagi 5 Jun 1967, perang antara Jordan dan Israel telah tercetus di wilayah Baitul Maqdis dan sehingga malam 7 Jun 1967 seluruh Tebing Barat termasuk wilayah timur Baitul Maqdis telah berjaya ditakluki oleh Israel. Kawasan yang ditakluki termasuklah daerah Nablus, seluruh Baitul Maqdis meliputi Bandar Lama Baitul

Maqdis, Pergunungan Scopus, Pergunungan Olives, Agusta Victoria Hill, wilayah Hebron, Ramallah sehingga ke sempadan Jordan di Jenin diketuai oleh Brigadier-Jeneral Uzzi Narkis.¹¹ Wilayah Tebing Barat seluas 2,100 batu persegi merupakan wilayah di bawah pentadbiran Jordan sejak perang Arab-Israel yang pertama pada tahun 1948. Tebing Barat kemudiannya dimasukkan secara rasmi menjadi sebahagian wilayah Jordan mula tahun 1950.¹² Sementara itu dalam perang 1967 ini Jordan telah mengalami kekalahan yang teruk di bawah pimpinan ketua komander, *Field Marshal* Habis al Majali dengan 8 briged infantri dan dua briged perisai. Menurut salah seorang pemimpin tentera Israel Brigadier-Jeneral Ezer Weizmann dalam meraikan kejayaan tentera Zionis menyatakan,

*“We could never have fought the way we have for a Jewish State in any other part of the world. Jerusalem, the West Bank of the Jordan, indeed the whole of Palestine has a very deep significance for us. It is the basis of Zionism.”*¹³

Pada 8 Jun 1967, kerajaan Jordan memaklumkan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), U-Thant bahawa mereka bersetuju untuk melaksanakan gencatan senjata dengan Israel.¹⁴ Gencatan senjata rasmi kemudiannya dimeterai pada 10 Jun 1967 dengan pihak Jordan mengalami kekalahan yang tragik apabila 6,000 tenteranya terkorban.¹⁵ Manakala dipihak Israel pula hanya 285 tenteranya terbunuh dalam pertempuran dengan Jordan dari jumlah keseluruhan 764 orang yang terkorban (338 di Sinai melalui pertempuran dengan Mesir dan 141 orang dalam pertempuran dengan Syria di Bukit Golan).¹⁶ Mengenang kembali kekalahan ini, Raja Hussein telah meluahkan kesedihan baginda dalam sebuah memoir:

*“Our soldiers have defended every inch of our earth with their precious blood. It is not yet dry, but our country honors the stain. They were not afraid in the face of total superiority of the enemy’s air power which surprised and paralyzed the Egyptian Air force. Now what’s done is done. My heart breaks when I think of the loss of all our fallen soldiers. They were dearer to me than my own person.”*¹⁷

Perang ini juga menyaksikan Jordan kehilangan wilayah Tebing Barat yang ditakluki oleh Israel termasuklah wilayah Baitul Maqdis Timur yang ditadbir oleh Amman sejak tahun 1948. Wilayah ini dianggarkan menyumbang suku daripada tanah pertanian dan hampir separuh industri yang merangkumi 40 peratus KDNK Jordan. Tebing Barat juga merupakan kawasan pertanian paling produktif di Jordan. Lebih 90 peratus hasil minyak zaitun misalnya dikeluarkan dari wilayah ini dan 2/3 hasil pengeluaran buah-buahan yang merupakan salah satu komoditi utama Jordan seperti anggur dan sitrus turut dihasilkan di wilayah ini. Dari segi nilai pengeluaran pula, eksport domestik Jordan khususnya tomato dan tembikai dari Tebing Barat menyumbang kepada £2 juta bagi tahun 1966 sahaja. Manakala 40 peratus hasil bijirin dan hasil daging kambing serta produk biri-biri datangnya dari wilayah ini juga.¹⁸ Secara keseluruhannya pendapatan Jordan sebelum perang hasil daripada cukai dan kastam berjumlah lebih *Jordanian Dinnar* (JOD)16.25 juta dan merosot akibat perang kepada JOD6 juta sahaja.¹⁹ Berkaitan dengan kemasukan lebih ramai pelarian, dianggarkan lebih 300 ribu pelarian baharu Palestin membanjiri wilayah Jordan akibat Perang Enam Hari tadi.²⁰ Impak daripada kebanjiran ini menyaksikan populasi penduduk di Tebing Timur, Jordan meningkat daripada 1.15 juta kepada lebih 1.30 juta terutama di daerah Amman/Zerka/Madaba.²¹ Peningkatan populasi ini sekali gus menambahkan tekanan kepada Jordan dari segi menyediakan kemudahan perumahan, pengangkutan, peluang pekerjaan, penyediaan infrastruktur kesihatan dan pendidikan. Kekalahan Jordan kepada Israel dalam perang ini bukan sahaja memberi impak dari segi ekonomi, tetapi juga telah memberi implikasi yang negatif kepada kepimpinan Raja Hussein dengan menyaksikan pengaruh politik beliau di Jordan mulai merosot.²²

Ancaman Radikalisme Arab dan Gerakan *Fedayeen* Palestin di Jordan

Sejak perang Arab-Israel pertama pada tahun 1948 sehinggalah Perang Enam Hari pada Jun 1967, masalah pelarian Palestin menjadi antara isu utama dalam konflik di Asia Barat. Selepas Perang Enam Hari, kumpulan pelarian Palestin semakin bertambah dan ramai dalam kalangan mereka khususnya dari wilayah Tebing Barat yang ditakluki oleh Israel bermigrasi ke Tebing Timur, Jordan. Berdasarkan sumber kerajaan Jordan, sehingga tahun 1952 dianggarkan seramai 380,000 warga Palestin mendiami wilayah Tebing Barat dan tidak meninggalkan wilayah tersebut selepas perang 1948. Pada tempoh tahun 1950-an pula, dianggarkan 56 peratus daripada keseluruhan penduduk Jordan dengan sekitar 140,000 merupakan pelarian Palestin yang bermigrasi dari Tebing Barat ke Tebing Timur, Jordan. Daripada jumlah ini 70 peratus daripada populasi pelarian Palestin di Tebing Barat telah diserap sebagai penduduk tetap di wilayah Jordan. Ketika berlakunya Perang Enam Hari 1967, jumlah populasi Palestin di Tebing Barat dianggarkan seramai 900,000 orang dengan 80,000 orang menetap di Baitul Maqdis Timur. Daripada jumlah ini, suku daripadanya telah melarikan diri ke Jordan apabila Perang Enam Hari tercetus.²³

Sementara itu, polisi pembangunan regim Raja Hussein sejak tahun 1948 di Tebing Barat juga menyebabkan ramai warga Palestin di wilayah itu telah berhijrah ke Tebing Timur. Contohnya dari segi pendidikan didapati sejak Jordan mentadbir Tebing Barat mulai tahun 1948 tidak ada sebuah universitipun dibina oleh kerajaan Jordan di Tebing Barat. Kemunduran Tebing Barat di bawah regim Hussein ini menyebabkan ramai warga wilayah tersebut berhijrah ke Tebing Timur. Antara tahun 1950 hingga tahun 1967 dianggarkan sekitar 300,000 hingga 400,000 warga Tebing Barat berpindah ke Tebing Timur, Jordan bagi mencari kehidupan yang lebih baik²⁴. Sehingga tahun 1978 pula, jumlah populasi warga Palestin di Tebing Timur khususnya di Amman dianggarkan sehingga 1.2 juta orang.²⁵

Kumpulan pelarian ini kemudiannya telah menubuhkan pelbagai organisasi politik dan militer yang turut terlibat dengan gerakan gerila menentang Israel. Mereka ini dikenali sebagai pejuang-pejuang *fedayeen*. Bagi mereka, kekalahan Jordan dan negara-negara Arab mempertahankan bumi Palestin dari penaklukan Israel memberikan justifikasi bahawa rakyat Palestin tidak boleh lagi berharap kepada Dunia Arab, khususnya Jordan untuk melindungi mereka dari kekejaman regim Zionis. Malahan kepimpinan Arab termasuk Raja Hussein tidak mempunyai hak untuk menghalang pejuang Palestin untuk mengangkat senjata menentang Israel secara bersedirian. Menurut pemimpin terkenal Palestin, Abu Odeh bahawa:

*“After the devastating war, Jordanian authorities were in no position to prevent the landless Palestinians from organizing and carrying weapons in order to resist the Israeli occupation.”*²⁶

Menjelang tahun 1969, terdapat pelbagai organisasi politik dan militia Palestin yang berjuang untuk pembebasan tanah air mereka yang ditakluki oleh Israel khususnya selepas perang 1967. Antaranya ialah seperti organisasi *Al-Sifa'*, *The Palestine Liberation Army* (PLA), gerila *Al-Saiqa* di bawah *Vanguard of the Popular War of Liberation*, *the Al-Aqsa Fedayeen Front*, *The Islamic Conquest* dan *The Popular Democratic Front for the Liberation of Palestine* (PDFLP). Semua kumpulan ini kemudiannya disatukan di bawah *Palestine Armed Struggle Command* (PASC).²⁷ Berdasarkan sumber perisikan British, sehingga tahun 1970 dianggarkan terdapat sekitar 5,000 anggota PLA (*Palestine Liberation Army*) di samping lebih 15,000 hingga 20,000 militia Palestin lain di wilayah Jordan.²⁸ Kebanjiran pelarian Palestin khususnya kewujudan milita *fedayeen* ini merupakan satu ancaman besar kepada kelangsungan pemerintahan Raja Hussein memandangkan komuniti Palestin umumnya menyalahkan

kelemahan Raja Hussein sehingga menyebabkan wilayah Palestin seperti Tebing Barat dan Baitul Maqdis Timur jatuh ke tangan Israel. Sehingga tahun 1969, dari *rekod United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East (UNRWA)*, dianggarkan 90,000 pelarian Palestin melarikan diri ke Jordan dan kebanyakan mereka tinggal di kem-kem pelarian seperti di Jerash, Talbiya, Zerqa, Irbid dan Baqa'a.²⁹ Dari segi keseluruhannya, dianggarkan 60 peratus penduduk Jordan pada ketika itu adalah terdiri daripada komuniti Palestin.³⁰ Selain dari Jordan, pelarian Palestin turut melarikan diri ke negara-negara Arab lain seperti Mesir, Syria dan Lubnan. Di Lubnan misalnya, selepas perang Arab Israel pada tahun 1948, dianggarkan lebih 140,000 pelarian Palestin telah melarikan diri ke Lubnan.³¹ Statistik oleh UNRWA pula menunjukkan pada tahun 1967 lebih 150,000 pelarian Palestin telah melarikan diri ke Lubnan. Sehingga tahun 1978, data oleh UNRWA menunjukkan di terdapat lebih 211,902 pelarian Palestin di kawasan operasi UNRWA di Lubnan.³² Pelarian Palestin ini kemudiannya secara beransur-ansur mula menguasai politik dalaman Lubnan khususnya selepas tahun 1970 apabila ibu pejabat *Palestine Liberation Organization (PLO)* dipindahkan dari Jordan ke Lubnan. Kelemahan kerajaan pusat Lubnan pula menyaksikan pengaruh pelarian Palestin semakin hebat dan mereka turut terlibat dengan perang saudara di Lubnan mulai tahun 1975. Menurut Hoda Baraka "*the expanding power of the PLO in Lebanon led to the creation of a para-state*".³³ Sementara itu di Jordan, para militia Palestin ini telah terlibat dengan pelbagai kegiatan subversif yang mengancam kestabilan politik Jordan dan kepimpinan Raja Hussein. Sebagai contohnya antara tahun 1969 sehingga tahun 1970 terdapat lebih 400 kegiatan sabotaj di wilayah Jordan yang disyaki didalangi oleh gerila Palestin ini. Secara keseluruhan, dianggarkan terdapat lebih 12 kumpulan militia Palestin ketika itu dan yang terbesar ialah sayap militia dari organisasi *Al-Fatah* yang dikenali sebagai gerila *As-Syifa'*. Keanggotaan mereka ketika itu banyak tertumpu di wilayah Jordan yang dianggarkan mencecah 8,000 anggota komando.³⁴

Aktiviti militia *fedayeen* di wilayah Jordan ini merupakan satu ancaman kepada kestabilan politik Jordan kerana banyak aktiviti mereka mensasarkan Israel khususnya di sempadan Jordan-Israel. Direkodkan sejak Perang Jun 1967, lebih 20,000 pejuang *fedayeen* yang berpangkalan di Jordan telah melancarkan serangan berterusan ke atas Israel.³⁵ Justeru, tindak balas Israel terhadap mereka sekali gus membabitkan misalnya serangan ke wilayah-wilayah Jordan. Keadaan ini menimbulkan isu keselamatan dan ketidakstabilan politik di Jordan. Contohnya ialah serangan terhadap Pelabuhan Eilat, Israel pada tahun 1970 dilakukan dari wilayah Jordan dan tindak balas Israel mengancam kegiatan ekonomi di Pelabuhan Aqaba, Jordan. Justeru, pihak berkuasa Jordan terpaksa secara berterusan memastikan aktiviti militia ini dihentikan dari wilayah Jordan. Bagi Raja Hussein sendiri, aktiviti *fedayeen* di wilayah Jordan ini umpama "*the whole movement is a cancer in the body of Jordan*".³⁶ Manakala sumber diplomatik British pula melaporkan,

*"Jordanian authorities have worked hard to prevent Fedayeen operation against Eilat for fear of Israeli reprisals against Aqaba...the attack of Israel (on Aqaba) will put Jordan at the mercy of Syria (Bat this and Fedayeen)."*³⁷

Tindakan Raja Hussein dan kerajaan Jordan untuk menghentikan kegiatan militia Palestin di wilayah Jordan ini menimbulkan rasa tidak puas hati gerila *fedayeen*. Apatah lagi, gerila *fedayeen* ini bukan sahaja menyerang Israel dari wilayah Jordan, tetapi juga melancarkan sabotaj dan terlibat dengan gerakan subversif di Jordan. Tindakan subversif ini termasuklah misalnya penyusupan mereka dalam kesatuan-kesatuan sekerja Jordan dan kemudiannya menghasut kepada tindakan mogok besar-besaran yang boleh melumpuhkan ekonomi Jordan. Antaranya ialah seperti mogok yang dilancarkan dalam kalangan pekerja *Jordan Tobacco and Cigarette Company* pada April 1970.³⁸ Begitu juga mogok oleh Kesatuan Sekerja Industri

Simen dan kilang penapis minyak British di Jordan pada tahun yang sama. Menurut laporan kedutaan British di Amman,

*“The Fedayeen group operating under the carte blanche have understandably sought to influence the industrial labor force. Al Fatah claims to have organized the workers in Jordan. The PDFP, Al-Sai’qa, the Arab Liberation Front, the Popular Struggle Front and the Communist Party supported the demands of the cement workers.”*³⁹

Selain Israel, gerakan militia *fedayeen* ini turut mensasarkan kepada kepimpinan Raja Hussein. Baginda dipersalahkan kerana kehilangan wilayah Palestin kepada Israel khususnya wilayah Baitul Maqdis ketika Perang Enam Hari ini. Kumpulan radikal Palestin seperti PFLP (sebelumnya PDFLP) turut melancarkan kempen-kempen kebencian terhadap Raja Hussein. Pemimpin mereka seperti George Habash dan Nayif Hawatmeh secara terbuka menyeru kepada ‘penghapusan regim oligarki di Amman’ dan mengisytiharkan Raja Hussein sebagai “a well-earned exile in the United States”.⁴⁰ Menurut penganalisis seperti Cobban, “for all these radical groups, a confrontation with Hussein, whom they variously saw a ‘reactionary’, ‘a puppet of imperialism’ or ‘a Zionist tool’ was considered not only desirable, but also ideologically necessary”.⁴¹ Kebencian warga Palestin terhadap Raja Hussein dan keluarga baginda berakar sejak penaklukan Israel ke atas wilayah Palestin pada tahun 1948. Sentimen kebencian ini kian meningkat selepas kekalahan Jordan dalam Perang 1967. Laporan daripada British Council turut mengesahkan situasi ini;

*“King Hussein’s grandfather is blamed for causing the refugee problem by calling on the Arabs of Jaffa, Haifa and elsewhere to forsake their homes, and for giving up Ramla and Lydda (to the Israelis) without a fight. King Hussein himself is blamed for having given preference to the East Bank over the West Bank during the period they were united under his rule; for giving the West Bank into the hands of Israel by his ill-fated attack on the latter in 1967. And now for trying to liquidate the fedayeen, the only people who can be said to represent the West Bank personality...Perhaps because of the Israeli presence, there has been little in public of this anti-Hussein feeling.”*⁴²

Konflik antara pejuang *fedayeen* khususnya, dan warga Palestin amnya terhadap Israel dan Raja Hussein telah berlarutan sejak tahun 1948 lagi. Sebelum tahun 1967, kebanyakan warga Palestin dari Tebing Barat adalah lebih berpelajaran, berlatarbelakangkan budaya keusahawanan dan lebih canggih berbanding penduduk Jordan di Tebing Timur. Mereka ini kemudiannya sejak 1948 mendominasi sektor birokrasi dan mendominasi kegiatan ekonomi di Tebing Timur seperti dalam sektor pembinaan, perkilangan, perniagaan, perbankan, insuran perkapalan dan pemprosesan makanan. Penganalisis seperti Mark Tessler menggambarkan Jordan ketika itu seperti “a country whose very character and identity were Palestinians in important respects”.⁴³ Sementelah itu, monarki Jordan pula melihat kebanjiran populasi Palestin sejak pendudukan Israel pada tahun 1948 dan pertambahan pelarian 1967 sebagai ancaman kepada kemandirian politik mereka. Konflik pertama antara *fedayeen* dengan regim Raja Hussein tercetus pada November 1968 apabila tentera elit Jordan menggempur dua kem pelarian Palestin di Amman dan membunuh 28 pejuang Palestin.⁴⁴

Kebanjiran pelarian ini dan kebangkitan gerakan *fedayeen* amat merisaukan monarki Jordan dengan anggapan terdapatnya kecenderungan mereka untuk menubuhkan negara Palestin yang merdeka di bumi Jordan. Justeru tidaklah menghairankan monarki Jordan dan regim Israel berkongsi kegusaran yang sama terhadap ancaman politik daripada pelarian Palestin ini, dan berusaha untuk mengekalkan *status quo* sedia ada sejak tahun 1948. Kegusaran ini dirumuskan oleh beberapa pengkaji seperti Jacob Abadi yang menyatakan bahawa,

“Pragmatic considerations brought the two countries to accept a status quo that served their interests at that moment. As it turned out, the status quo that followed the Palestine War of 1948 was convenient for Israel and Jordan who felt threatened by the national Palestinian movement. Both had good reasons to fear creation of an independent Palestinian state and therefore sought to suppress the movement. The fact that more than half of Jordans’ inhabitants were Palestinians was a major cause of concern to the Hashemite regime, which feared that Jordan would turn into a Palestinian state, while Israel regarded the creation of a Palestinian state as a threat to its very existence.”⁴⁵

Rumusan Abadi ini turut dikongsi oleh Ashton yang menjelaskan bahawa penaklukan wilayah Jordan merupakan satu mimpi ngeri kepada Raja Hussein. Baginda merasakan Israel di bawah Parti Likud ketika itu cuba untuk menyelesaikan masalah Palestin dengan mengusir mereka ke wilayah Jordan, dan menghapuskan regim Hussein dalam proses untuk mewujudkan negara Palestin di Tebing Timur. Menurut Ashton seterusnya,

“This nightmare went by the shorthand euphemism of ‘transfer’ and was referred to under the slogan ‘Jordan is Palestine’ in the political argot of Likud politicians...the result for Jordan according to Hussein would be the establishment of ‘a docile Palestinian state’ under Israeli tutelage on Jordanian soil.”⁴⁶

Sehingga pertengahan tahun 1970, gerakan *fedayeen* ini menjadi ancaman terbesar kepada kemandirian monarki Jordan khususnya di bawah payung PLO. Menurut Rami Siklawi, kewujudan PLO di bumi Jordan ini disifatkan sebagai “a main independent power in Jordan and a central challenge to the Jordanian monarchy”.⁴⁷ Justeru Raja Hussein dalam usaha menamatkan ancaman gerila *fedayeen* telah melancarkan gerakan ketenteraan besar-besaran yang dikenali sebagai peristiwa *The Black September*. Pemimpin PLO, Yasser Arafat menyifatkan tindakan ketenteraan Jordan ini sebagai “what took place in Black September was not simply an attack by the Jordanian military regime against the revolution, but an attempt of genocide against the Palestinian population as a whole.”⁴⁸ . Kempen ketenteraan regim Hussein untuk menghapuskan *fedayeen* telah mengorbankan lebih 20,000 nyawa rakyat Palestin yang malangnya kebanyakan mereka adalah penduduk awam yang tidak bersenjata.⁴⁹ Menurut penganalisis Asia Barat terkenal, Hassan A. Barari peristiwa pembunuhan warga Palestin oleh regim Hussein dalam konflik *Black September* ini sebagai “the most formative episode that has determined much of [Transjordanian-Palestinian] subsequent bilateral relations.”⁵⁰

Ancaman gerakan *fedayeen* tadi diburukkan lagi dengan menularnya fahaman Pan-Arabisme tajaan Presiden Nasser yang mensasarkan negara-negara yang dilihat sebagai pro-Barat khususnya negara monarki seperti Arab Saudi dan Jordan. Menurut Vatikiotis, visi Presiden Nasser termasuk di Jordan dan Palestin ialah “an Arab region free of foreign power influence would allow Egypt a leading role in its affairs and destiny-and at the expense of other Arab contenders”.⁵¹ Sementara itu, laporan sulit oleh *British’s Joint Intelligence Committee* kepada kabinet Britain pada bulan Mac 1968 mengesahkan pengaruh Nasserisme yang disokong oleh Soviet ini dalam kalangan negara-negara Arab. Fahaman ini telah muncul sebelum tahun 1967 lagi melalui gerakan *Arab Nationalist Movement* (ANM) dan kian menular selepas peristiwa Perang Enam Hari tadi. Antaranya proksi kepada gerakan ANM ini seperti *Kuwait Arab Nationalist Movement* (KANM) di Kuwait, *Bahrain’s Student Union* (BSU) di Bahrain, *The Bahrain National Liberation Front* (BNLF), *The Gulf Liberation Front* (GLF) di Qatar, dan *People Organization for the Liberation of Oman* (POLO) di Oman. Kumpulan-

kumpulan ini dipengaruhi oleh Nasser khususnya melalui kawalan oleh *Egypt Intelligence Service* (EIS) berpusat di Kuwait.⁵²

Pengaruh Pan-Arabisme Nasser ini turut menular dalam kalangan pejuang *fedayeen* dan pelbagai organisasi awam lain di Jordan. Antaranya ialah kesatuan-kesatuan sekerja Jordan yang turut terlibat dengan aktiviti subversif yang mengancam ekonomi Jordan dan sekutu Baratnya. Salah satu kumpulan kesatuan ini ialah Kesatuan Pengangkutan Jordan (*Jordan Transport Federation-JTF*). Pada tahun 1965 misalnya, kesatuan ini mempunyai lebih 30,000 ahli di seluruh Jordan. JTF juga merupakan kesatuan terbesar dalam kesatuan induk pekerja-pekerja Jordan iaitu *Jordanian Federation of Trade Union (JFTU)*. Kesatuan induk ini pula mempunyai pejabat yang sama dengan *Palestinian Worker's Federation (PWF)* yang radikal berpusat di Kaherah. JFTU dan PWF pula adalah anggota kepada *International Confederation of Arab Trade Union (ICATU)* yang dikawal oleh Nasser.⁵³ Selepas perang 1967, kesatuan-kesatuan sekerja ini kemudiannya telah melancarkan pelbagai tindakan radikal seperti mogok-mogok industri yang melumpuhkan ekonomi Jordan. Contohnya pada 21 April 1970, salah satu ahli gabungan JFTU, *Jordan Tobacco Company and the Tobacco & Cigarette Workers Union* telah melancarkan mogok besar-besaran di Jordan. Sasaran mereka ialah melumpuhkan kegiatan ekonomi Jordan dan sekutunya seperti British. Contoh yang lain ialah mogok oleh pekerja-pekerja loji penapis minyak British di Jordan sebelumnya pada Januari 1970. Menurut pihak British, mogok ini didalangi oleh gerakan *al-Fatah* Palestin, *The Democratic Front for the Liberation of Palestine (PFLP)*, gerakan *Arab Liberation Front*, gerila *Al-Saiqa*, Parti Komunis Jordan dan kumpulan pro-komunis dalam JFTU.⁵⁴ Tuntasnya, gerakan *fedayeen* yang bergerak aktif dalam kalangan pelarian Palestin dan penularan ideologi radikal Arab *Nasserism* termasuklah di Jordan telah mengancam kemandirian politik dan takhta Raja Hussein selepas perang Arab-Israel 1967.

Penaklukan Baitul Maqdis Timur dan Impaknya kepada Jordan.

Selain masalah pelarian Palestin di wilayah Jordan, penaklukan Israel ke atas Baitul Maqdis Timur pada tahun 1967, yang terletakinya Masjid Al-Aqsa turut menjadi tamparan hebat kepada kemandirian politik dan takhta Raja Hussein. Kegagalan Raja Hussein untuk mempertahankan kota suci ini dari penaklukan Israel menyebabkan imej baginda bukan sahaja tercemar dalam kalangan komuniti Palestin dan Arab, tetapi juga ke seantero Dunia Islam. Keadaan ini telah menimbulkan ancaman kepada kelangsungan pemerintahan monarki Jordan yang dianggap amat lemah dan perlu digantikan. Diimbangi kembali, dalam Pelan Pembahagian Palestin yang diwujudkan oleh Liga Bangsa-bangsa pada tahun 1947, wilayah Baitul Maqdis ini ditetapkan sebagai sebuah wilayah antarabangsa dan ditadbir oleh sebuah Badan Amanah Antarabangsa (*Trusteeship*). Hal ini bermakna wilayah Baitul Maqdis akan berdiri sebagai sebuah entiti bebas di bawah konsep *corpus separatum* sepertimana yang diproklamasikan dalam Resolusi 181, Perhimpunan Agung PBB pada 29 November 1947.⁵⁵

Walau bagaimanapun selepas perang Arab Israel yang pertama pada tahun 1948, wilayah timur Baitul Maqdis secara *de facto* telah diletakkan di bawah pemerintahan Jordan berkuat kuasa mulai tahun 1949. Pada musim bunga tahun tersebut, pentadbiran awam telah diwujudkan di wilayah ini menggantikan pentadbiran tentera oleh Liga Arab yang berada di situ sejak tahun 1948. Wilayah Tebing Barat, termasuk Baitul Maqdis Timur selanjutnya dengan sokongan British diiktiraf secara rasmi sebagai sebahagian daripada wilayah Jordan di bawah kepimpinan Raja Abdullah I pada 27 April 1950, dan penduduknya secara automatik menjadi warga negara Jordan.⁵⁶ Walau bagaimanapun, majoriti penduduk Palestin menentang

penguasaan Jordan ini sehingga membawa kepada tragedi pembunuhan Raja Abdullah I oleh warga Palestin pada 20 Julai 1951.⁵⁷

Kemangkatan Raja Abdullah I membawa kepada naiknya Raja Talal untuk tempoh yang singkat sebelum diganti oleh Raja Hussein yang mengekalkan penguasaan Jordan ke atas wilayah Baitul Maqdis ini. Sebagaimana era datuk baginda, pada era 1950-an tindakan dan dasar regim Raja Hussein terhadap wilayah Baitul Maqdis ini turut dikritik oleh penduduk Palestin dan Dunia Arab. Bagi komuniti Palestin, Baitul Maqdis adalah tanah warisan leluhur mereka dari bangsa Kanaan, dan bukannya sebahagian wilayah Jordan kerana bangsa Kanaan merupakan penduduk asal wilayah ini sejak 3,000 tahun Sebelum Masihi.⁵⁸ Selain itu, punca yang lain ialah disebabkan oleh dasar Jordan sendiri yang dilihat mengabaikan Baitul Maqdis khususnya, dan Tebing Barat amnya berbanding dengan dengan wilayah Tebing Timur. Malahan wilayah Baitul Maqdis Timur juga amat jauh ketinggalan dalam aspek pembangunannya berbanding dengan wilayah Baitul Maqdis Barat yang berada di bawah pentadbiran Israel. Dasar regim Hussein amat mengecewakan penduduk Palestin sepertimana yang pernah dikritik oleh Naib Datuk Bandar Baitul Maqdis pada tahun 1953 yang menggambarkan dasar Amman ini sebagai “neglect, subjugation and humiliation of the holy city”.⁵⁹ Masyarakat Arab, dan Palestin khususnya tidak mengiktiraf penguasaan regim Hussein terhadap bandar suci ini sebaliknya secara konsisten menegaskan bahawa wilayah ini adalah sebahagian daripada wilayah Palestin dan bukannya Jordan.

Regim Zionis kemudiannya telah menakluki wilayah Baitul Maqdis Timur yang di dalamnya terdapatnya Bandar Lama Baitul Maqdis yang terkenal dengan kompleks *Haram-El-Sharif*. Wilayah Baitul Maqdis Timur ini kemudiannya disatukan oleh Israel dengan wilayah Baitul Maqdis Barat selepas bulan Jun 1967. Penaklukan Israel ini merumitkan lagi masalah pelarian Palestin apabila lebih 410,248 pelarian baharu Palestin dari Tebing Barat termasuk dari Baitul Maqdis telah melarikan diri ke Tebing Timur, Jordan.⁶⁰ Penaklukan Israel juga telah memberikan kesan yang besar kepada Jordan khususnya terhadap kepimpinan Raja Hussein. Bagi Raja Hussein,

*“For Jordan, as for the Arab world, Jerusalem (Baitul Maqdis) is a deep wound of many layers, one of which exasperates the religious and spiritual sensibilities of Islam. In Jerusalem, Islam has its cult, its temple, its relics, as do the Israelis and the Christians”.*⁶¹

Penaklukan wilayah Baitul Maqdis Timur menyebabkan Raja Hussein dilihat sebagai seorang pemimpin yang gagal oleh Dunia Arab, Dunia Islam dan pastinya oleh penduduk Palestin dalam mempertahankan bumi Baitul Maqdis daripada penjajahan Zionis. Ekoran daripada kegagalan Raja Hussein ini, orientasi nasionalisme Palestin telah berubah daripada bergantung kepada bangsa Arab untuk mempertahankan Baitul Maqdis kepada keperluan untuk ‘berdikari’ dalam menyelamatkan bumi Palestin yang dijajah. Malahan Raja Hussein dituduh bertanggungjawab terhadap hilangnya lebih banyak wilayah Palestin terutama Baitul Maqdis kepada penakluk Zionis. Pengkaji sejarah politik Palestin seperti Jamal R. Nassar misalnya menggambarkan perubahan orientasi politik ini sebagai,

*“In time especially after 1967, the Palestinian lost hope in being able to achieve their goal through the Arab States and felt that their only recourse was self-reliance through revolutionary violence and guerrilla warfare.”*⁶²

Perlu ditekankan bahawa lokasi warisan bersejarah di Bandar Lama Baitul Maqdis bukan sahaja penting dari segi agama, tetapi juga merupakan kawasan tarikan pelancong antara yang terpenting dan sumber pendapatan yang strategik kepada penduduk Tebing Barat dan Jordan. Pada tahun 1966 misalnya sektor pelancongan Tebing Barat banyak tertumpu di wilayah Baitul Maqdis Timur-Bethlehem. Dianggarkan 14 peratus daripada KDNK Tebing Barat berpunca daripada sektor pelancongan di Baitul Maqdis Timur, manakala 70 peratus hasil pelancongan Jordan pula datangnya dari wilayah Tebing Barat. Malahan pada tahun 1966 ini, 40 hotel daripada 59 hotel di wilayah Tebing Barat terletak di Baitul Maqdis Timur dengan 13 daripadanya diiktiraf sebagai hotel bertaraf empat bintang dan ke atas.⁶³ Pada tahun 1960 pula, nilai pelancongan di Tebing Barat khususnya di Baitul Maqdis menyumbang lebih £3.5 juta pendapatan kepada Jordan, dan ia meningkat kepada lebih £12 juta pada tahun 1966.⁶⁴ Justeru, akibat daripada penaklukan Israel ke atas bandar ini maka sektor pelancongan Jordan turut menerima tempiasnya. Menurut Bank Pusat Jordan, jumlah pelancong pada tahun 1968 didapati berkurangan sebanyak 12 peratus berbanding pada tahun 1967. Bagi tahun 1968 pula, hasil pelancongan telah merosot sebanyak 32 peratus berbanding tahun 1967, dan menjunam 59 peratus kemerosotan berbanding dari tahun 1966.⁶⁵ Sementara itu menurut Anwar al-Khātīb al-Tamīmī, yang merupakan bekas Datuk Bandar Baitul Maqdis sebelum Jun 1967, menyatakan dalam memoir beliau bahawa pihak Jordan amat prihatin dengan kesan undang-undang akibat tindakan Israel menyatukan wilayah Baitul Maqdis Timur dan Barat selepas Jun 1967. Beliau mengimbau kembali bagaimana kecewa dan marahnya pegawai-pegawai Jordan serta bantahan mereka dengan peristiwa penggabungan dua wilayah Baitul Maqdis ini,

“We protested to the military governor general regarding the annexation of Jerusalem, which we refused to accept. We regarded Jerusalem as part of the West Bank, which constitutes a part of the Hashemite Kingdom of Jordan, and [we said] that the Israeli decision was in violation of the fourth paragraph of the second clause of the United Nation’s Covenant. Those who were present announced that the inhabitants of Jerusalem had already exercised all their full rights to self-determination by declaring the unity of the two banks, based on the historical resolution that was adopted by the Jordanian parliament on April 24, 1950.”⁶⁶

Sementara itu, setelah melancarkan gerakan ketenteraan dalam menamatkan penentangan gerila Palestin dalam peristiwa *Black September* tadi, Raja Hussein cuba menggunakan pendekatan diplomasi dan politik pula bagi meredakan keadaan. Malahan baginda telah melancarkan kempen untuk mengasimilasikan penduduk Palestin menjadi sebahagian warga Jordan. Bagi misi ini, Raja Hussein telah melantik Wasfi Tal sebagai Perdana Menteri pada 28 Oktober 1970. Wasfi Tal kemudiannya telah memperkenalkan dasar *Transjordanization* bagi menghapuskan penentangan penduduk Palestin terhadap pemerintahan Raja Hussein dengan misi yang khusus iaitu “radically diminish the political influence of the Palestinians in Jordan”.⁶⁷ Polisi ini melibatkan penyingkiran warga Palestin dari universiti dan pelbagai jawatan birokrat kerajaan yang didominasi oleh mereka, khususnya jawatan dalam sektor pendidikan, pelancongan dan kesihatan. Mereka ini kemudiannya diganti dengan penduduk yang setia kepada Raja Hussein. Akhbar-akhbar yang dipimpin oleh warga Palestin atau yang dilihat pro-Palestin juga telah ditutup dan digantikan dengan akhbar-akhbar yang cenderung menyokong monarki Jordan seperti akhbar *al-Urdun* dan *al-Rai*.⁶⁸ Dasar Perdana Menteri Wasfi Tal ini menambahkan lagi kemarahan warga Palestin sehingga akhirnya beliau telah dibunuh di Hotel Sheraton, Kaherah oleh pejuang Palestin pada 28 November 1971.

Selanjutnya pada bulan Mac 1972, Raja Hussein telah mengisytiharkan cadangan pembentukan sebuah negara baharu iaitu Persekutuan Jordan-Palestin. Tujuan pelan ini adalah untuk meredakan penentangan rakyat Palestin terhadap baginda. Melalui pembentukan entiti politik baharu ini, Raja Hussein menggariskan pelan untuk sebuah negara persekutuan yang terdiri daripada Jordan dan Palestin yang mempunyai dua ibu kota iaitu Amman dan Baitul Maqdis, dua parlimen di bawah satu monarki, satu angkatan tentera dan satu dasar luar. Negara baharu ini akan dikenali sebagai Negara Arab Bersatu (United Arab Kingdom). Idea Raja Hussein ini bagaimanapun ditolak oleh pihak PLO, Mesir, Syria dan Israel. Sebaliknya pada Persidangan Rabat 1974 negara-negara Arab telah mengiktiraf PLO sebagai wakil tunggal penduduk Palestin dan bukannya Jordan. Bagi Raja Hussein, beliau akhirnya terpaksa mengiktiraf PLO sebagai wakil Palestin tetapi dalam masa yang sama, baginda menolak kedaulatan Palestin terhadap wilayah Tebing Barat termasuk Baitul Maqdis. Sehingga era tahun 1980-an, Raja Hussein kekal berjuang untuk menyatukan Palestin dengan Jordan. Menurut baginda pada bulan Mei tahun 1982,

*“We and the Palestinians have been a single people in the past and the present... this future may be realized in the declaration of a federation (Union), between the West Bank and Jordan on the basis of Jordanian and Palestinian choice”.*⁶⁹

Sikap British terhadap Monarki Jordan.

Kekalahan Jordan dalam perang 1967 tadi turut mengancam kedudukan serta pengaruh British dalam kalangan negara-negara Arab sederhana atau moderat. Sejak pembentukan Transjordan pada tahun 1921, pihak British melihat Amman sebagai sekutu pentingnya dalam mengekalkan pengaruh London di Asia Barat, khususnya dalam kalangan negara-negara Arab monarki yang moderat. Pengasas Transjordan, Raja Abdullah I yang merupakan datuk kepada Raja Hussein kemudiannya telah dijadikan alat oleh pihak British untuk mengekalkan pengaruh politik London di Asia Barat sejak termeterainya perjanjian pembahagian Palestin pada tahun 1947. Menegaskan fakta ini, sarjana Palestin terkenal, Rashid Khalidi menyatakan,

*“Their chosen instrument for the maintenance of a British role in the region was no longer their sponsorship of the Zionist project, and certainly not the Palestinians, but rather their faithful Arab allies in Transjordan, Iraq, and other parts of the Arab world. In particular, the British agreed with ‘Abdullah’s prime minister Tawfiq Abu al-Huda on a visit to London in January 1948 that Transjordan would take over the areas allotted to the Arabs under the partition plan.”*⁷⁰

Selanjutnya, pada era tahun 1950-an, pihak British kekal menyokong tindakan Raja Abdullah I untuk menjadikan wilayah Palestin sebagai sebahagian daripada apa yang dipanggil ‘*The Hashemite Kingdom of Jordan*’, dengan menyatukan pentadbiran Tebing Barat, Palestin dengan wilayah Tebing Timur, Jordan. Mengulas tindakan ini, Khalidi menyatakan bahawa, “*Abdullah was doing more than annexing the largest remaining Arab piece of Palestine. He was also laying claim to representation of the Palestinians.*”⁷¹

Pasca-perang 1967 pula menyaksikan sikap British terhadap Jordan kekal tidak berubah. Walau bagaimanapun selepas kekalahan Jordan kepada Israel, sokongan kepada Raja Hussein, biarpun diakui sangat perlu demi mempertahankan kepentingan pihak British telah dilaksanakan secara berhati-hati dan penuh diplomasi. Dalam hal penaklukan Baitul Maqdis misalnya, pihak Pejabat Luar British telah menegaskan bahawa, “*Jerusalem (Baitul Maqdis) is a very sensitive point ...Religious fervor on the subject is widespread and the extent of our support for Jordan will to a considerable degree be judged by our attitude towards the problem*

of Jerusalem."⁷² Dari segi polisi umum, pihak British mengakui bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan secara langsung dengan kedudukan Baitul Maqdis. Namun, London menyedari bahawa kota ini amat signifikan dalam mengekalkan sokongan negara-negara Arab kepada British. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam satu kenyataan oleh Setiausaha Luar British pada tahun 1968 bahawa, "*our material interests in the Arab World, and indeed in other Muslim countries, make it essential for us to give full weight to the Arab and Muslim interests in Jerusalem.*"⁷³

Monarki Jordan dan kelangsungan kepemimpinan Raja Hussein turut penting dari segi strategik dan kestabilan politik di Asia Barat kepada Barat dan sekutunya Israel. Sehubungan dengan itu, Britain, Amerika Syarikat dan Israel sememangnya sejak sebelum perang 1967 tercetus lagi merancang supaya regim Raja Hussein ini terus kekal bagi melindungi kepentingan mereka di rantau tersebut. Kejatuhan Raja Hussein dikhuatiri akan mengakibatkan regim baharu yang pro kepada Nasser dan Soviet mengambil alih Amman, dan keadaan ini pastinya memberi ancaman kepada British, Israel dan Barat sendiri. Kekhuatiran ini termasuklah ancaman kebangkitan pejuang-pejuang Palestin yang radikal seperti yang dibincangkan sebelum ini. Malahan, sikap British terhadap Raja Hussein ini merupakan kesinambungan daripada sikap British terhadap Raja Abdullah I yang cuba memastikan wilayah Palestin kekal di bawah Jordan dan sebarang penentangan oleh warga Palestin perlu dihapuskan. Dalam konteks ini, Khalidi merumuskan,

*"The Jordanian authorities saw virtually any independent Palestinian organization as subversive and as a threat to the unity of the kingdom, and ruthlessly combated political activity of most kinds, making the West and East Banks of Jordan highly inhospitable for independent Palestinian political action."*⁷⁴

Sementara itu, kesedaran tentang perlunya regim Hussein diselamatkan turut diluahkan oleh Amerika Syarikat kepada Israel sepertimana yang dimaklumkan oleh pegawai kanan Jabatan Negara Amerika Syarikat, Herman Pollack kepada Duta Besar Israel ke Washington, Avraham Harman sejak tahun 1963 lagi. Menurut Pollack, "any change in Jordan would be bad to Israelis" dan menurut Pollack lagi, "*the overthrow of Hussein could only be interpreted as a further success for Nasser.*"⁷⁵ Tel Aviv pula mengakui bahawa kepemimpinan Raja Hussein perlu dipertahankan sebagai 'buffer' bagi tujuan keselamatan Israel daripada ancaman negara-negara Arab revolusioner seperti Mesir dan Syria. Soviet yang dilihat sebagai dalang sebenar sememangnya memberi sokongan yang kuat kepada regim Arab revolusioner ini demi kepentingan strategik Moscow di rantau tersebut. Apatah lagi dengan penyatuan Syria-Mesir yang membentuk *United Arab Republic* (UAR) pada tahun 1958. Hakikatnya, pengaruh Soviet di negara-negara Arab revolusioner seperti Syria amat penting dari segi posisi strategik dan ketenteraan kepada Moscow. Hubungan Syria-Soviet telah diperkukuhkan khususnya pada era 1960-an di bawah pentadbiran Perdana Menteri Yusuf Za'ayin melalui perjanjian Soviet-Syria pada April 1966.⁷⁶ Selanjutnya perjanjian khusus Soviet-Syria turut ditandatangani pada tahun 1971 apabila Damsyik bersetuju membenarkan pengkalan tetap tentera Soviet dibina di Tartus untuk kegiatan perdagangan senjata, kapal selam dan kargo.⁷⁷ Justeru, kepentingan regim Hussein dalam mengekang ancaman Soviet dan negara Arab revolusioner tadi tidaklah dapat dinafikan. Hakikat ini seperti yang dicatatkan dalam laporan diplomatik British di Tel Aviv bahawa "*from the Israel's point of view the function of Hashemite Jordan has been that as a buffer between her and more hostile Arab world....one of Israel's fundamental objectives this buffer in one form or another.*"⁷⁸ Kepentingan pengkalan regim Hussein yang diakui oleh Washington dan Tel Aviv turut dikongsi oleh London. Bagi pihak British, kepemimpinan Raja Hussein perlu dipertahankan demi kestabilan rantau Asia Barat yang amat penting kepada kedudukan strategik dan ekonomi mereka. Menurut Pejabat Luar British "*our main political*

*aim is to preserve the stability of Jordan both in order to avoid instability spreading out from there into the Arab peninsular.”*⁷⁹

Sememangnya diakui bahawa Jordan bukanlah sebuah negara yang kaya dengan hasil bumi seperti minyak yang lumayan kepada pihak British. Namun, Jordan amat penting dari segi politik dan posisi strategik British di Asia Barat. Hal ini kerana pada era 1960-an dan 1970-an British mempunyai kepentingan ekonomi khususnya minyak dan perdagangan yang amat besar di rantau tersebut. Justeru, pihak British melihat kejatuhan regim monarki pro-Barat seperti di Iraq yang kaya dengan sumber minyak pada tahun 1958 akan merebak ke negara-negara Arab yang lain termasuklah ke Arab Saudi, Kuwait dan Negara-negara Teluk sekiranya regim Hussein dihapuskan oleh golongan radikal Arab. Contohnya ialah kepentingan minyak British melalui *Kuwait Oil Company* (KOC) yang mendapat konsesi minyak daripada pemerintah Kuwait, Shaikh Ahmad Al-Jaber pada 23 Disember 1934 telah terjejas dengan penularan gerakan nasionalis dan radikalisme buruh yang disokong oleh Mesir dan Soviet antara tahun 1940-an hingga 1960-an.⁸⁰ Senario politik era 1960-an di Asia Barat secara keseluruhannya didominasi oleh gerakan radikalisme Nasser dan Soviet yang menggugat pengaruh British, seterusnya mengancam kepentingan ekonomi London di rantau tersebut. Hal ini diulas oleh diplomat kanan British di Teluk Parsi ketika itu, Sir Robert Crawford yang menyatakan,

*“Gulf Rulers will certainly expect us (UK) to give full support to King Hussein’s position and would be shocked if they thought we were not giving it. This is not a matter of sympathy for a fellow ruler, whom they regard as friend to the West, it also that the disappearance of the monarchy in Jordan would not only introduce further disruptive force in the Near East but would also be likely to have a very disturbing effect throughout the Arabian Peninsula, perhaps in the first place in Saudi Arabia. The stability of the southern Gulf states in the long term must be dependent on the continuance of reasonable stability in Saudi Arabia. If this should be shaken by even in Jordan, there could be dangerous chain reaction.”*⁸¹

Berkaitan dengan kepentingan ekonomi ini juga, perlu ditegaskan bahawa sehingga awal tahun 1970, lebih 40 peratus sumber tenaga khususnya bagi sektor industri Britain bergantung kepada sumber minyak. Manakala lebih 60 peratus sumber minyak ini pula datangnya dari negara-negara Arab moderat seperti Arab Saudi, Kuwait, Iraq, Abu Dhabi, Bahrain dan Dubai.⁸² Sementara itu nilai aset syarikat-syarikat minyak Britain di negara-negara ini seperti *British Petroleum* (BP) pada tahun 1967 sahaja mencecah lebih £193 juta.⁸³ Selain minyak, sektor perdagangan juga amat penting kepada Britain pada era tahun 1960-an. Negara-negara Arab ini merupakan antara pasaran terbesar produk industri dan perkhidmatan Britain seperti senjata, barangan automotif dan peralatan teknologi industri. Secara keseluruhannya eksport barangan Britain ke negara-negara Arab moderat ini bernilai lebih £168 juta pada tahun 1965 dan meningkat kepada £171.5 juta pada tahun 1967. Eksport Britain ke Jordan sahaja telah meningkat dari £8.3 juta pada tahun 1965 kepada lebih £9 juta pada tahun 1967.⁸⁴

Melihat kepada kepentingan ekonomi dan strategik British ini, penglibatan Jordan dalam Perang Enam Hari sememangnya mempunyai impak yang signifikan terhadap sikap pihak British dalam konteks krisis Arab Israel. Sikap British ini kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk tindakan strategik misalnya dengan memberikan bantuan ekonomi dan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Palestin khususnya di wilayah Jordan. Bantuan ini amatlah penting dalam kerangka memastikan ancaman pelarian Palestin dan gerakan *fedayeen* seperti yang dibincangkan dalam bahagian awal makalah ini dapat dibendung. Kejatuhan Raja Hussein

berkemungkinan besar akan membawa kesan berantai kepada negara monarki Arab pada ketika itu yang berdepan dengan ancaman Arab revolusioner di bawah pimpinan Presiden Gemal Abdul Nasser dari Mesir yang disokong oleh Kesatuan Soviet. Kejatuhan Raja Hussein juga akan memungkinkan regim baharu yang radikal dan anti-Barat menguasai Jordan. Keadaan ini semestinya akan menimbulkan ancaman besar kepada jirannya Israel, kestabilan rantau Asia Barat secara umumnya dan seterusnya menjejaskan hegemoni pengaruh Barat dan British di rantau tersebut.

Justeru itu sokongan pihak British kepada Raja Hussein dari segi strategiknya amat penting dalam mengekang penularan pengaruh Soviet dan negara Arab revolusioner seperti Mesir. Kejatuhan Raja Hussein dikhuatiri akan menimbulkan ancaman lebih besar kepada kerajaan moderat Arab seperti pemerintahan monarki Arab Saudi yang secara tradisinya bersifat pro-British dan Barat. Apatah lagi monarki Arab Saudi yang pada ketika itu dikelilingi oleh ramai penasihat yang cenderung kepada Mesir dan anti-Barat seperti Yusuf Hussein (pro-Syria), Putera Faisal (anti-Barat) dan Jamal Hussaini (seorang Palestin). Kejatuhan monarki pro-Barat seperti di Arab Saudi ini akan memberi ancaman besar kepada sumber minyak Britain yang banyak bergantung dari negara-negara Arab. Menurut Setiausaha Luar Britain, George Brown pada tahun 1967,

“The consolidation of the UAR victory could lead to the rapid undermining of the Arab States where our economic interests are concentrated and expanding. Oil supplies would no doubt continue but under more difficult terms and they would probably come under the control of basically hostile and pro-Soviet regimes.”⁸⁵

Lanjutan daripada kesedaran tentang kepentingan pengekalan regim Hussein ini, London telah merangka beberapa strategi berkesan berikutan dengan tercetusnya Perang Jun 1967. Menurut Sir Richard Beaumont, Duta Britain ke Iraq, antara strategi yang dilakukan termasuklah memberikan bantuan kewangan dan teknikal kepada kerajaan monarki Arab moderat.⁸⁶ Contohnya ialah memberikan bantuan dana segera kepada negara Arab moderat yang terkesan akibat perang seperti Jordan. Pada tahun 1967, bantuan yang diberikan termasuklah bantuan pembangunan kejuruteraan elektrik mencecah JOD 2.3 juta, bantuan dana bagi pembangunan empangan Shueib/Kafrein bernilai JOD 1.2 juta dan pembangunan projek pengairan Wadi Dhueil bernilai JOD 0.4 juta.⁸⁷ Selain daripada itu, berikutan dengan perang 1967 juga, pihak British turut menyalurkan sumbangan segera kepada Jordan khususnya bagi memperbaiki infrastruktur yang musnah semasa konflik bernilai lebih £20 juta. Antara perbelanjaan yang disalurkan termasuklah untuk kawasan pertanian di wilayah timur Jordan, pemulihan bekalan air bersih, kerja-kerja pembangunan semula perbandaran Amman dan projek perumahan di Aqaba.⁸⁸

Berhubung dengan ancaman politik *fedayeen* di kem-kem pelarian Palestin di Jordan, pihak British turut mengambil langkah segera membantu dari segi dana kemanusiaan, infrastruktur dan sosioekonomi. Bantuan-bantuan ini disalurkan sama ada melalui agensi PBB iaitu UNRWA, melalui NGO atau secara terus kepada kerajaan Jordan. Bantuan ini termasuklah bantuan kecemasan berjumlah US\$500,000 ketika perang memuncak sebagai tambahan kepada dana tahunan UNRWA yang disumbangkan oleh London bernilai US\$ 4.5 juta bagi membantu pelarian Palestin di Jordan⁸⁹. Bagi bantuan langsung untuk pelarian kepada Jordan pula, sejumlah £750,000 disalurkan bagi keperluan di Tebing Timur dan Tebing Barat.⁹⁰ Sementara itu, menerusi NGO Britain pula, strategi bantuan termasuklah melalui penubuhan organisasi yang dikenali sebagai *Standing Conference of British Organizations for Aid to Refugees (SCBOFR)*. Agensi ini berfungsi untuk mengkoordinasikan bantuan-bantuan kemanusiaan oleh NGO British dan kerajaan bagi disalurkan kepada UNRWA. Antara yang

terlibat dan berjaya mengumpulkan dana bantuan ini termasuklah Oxfam (£9,000 dan khemah-khemah untuk pelarian), *The Anglo-Arab Association* (£77,000), *Disasters Emergency Committee* (£10,000) dan *Christian Aid* (£3,000). Sehingga akhir Jun 1967, lebih £143,743 telah berjaya dikumpulkan oleh NGO ini dengan sokongan kerajaan British untuk disalurkan kepada pelarian Palestin khususnya mereka yang berada di kem-kem di Timur Jordan.⁹¹

Bantuan bagi meringankan masalah pelarian Palestin yang ditanggung oleh Jordan ini pada luarannya kelihatan bermotifkan kemanusiaan. Namun, jika dianalisis secara terperinci bantuan ini juga melibatkan strategi politik untuk mempertahankan regim Raja Hussein yang rapuh berikutan dengan ancaman *fedayeen*. Setiausaha Luar British ketika lawatan beliau ke New York pada bulan Jun 1967 sendiri mengakui kepentingan politik British di sebalik bantuan kemanusiaan kepada Jordan ini termasuk bantuan melalui UNRWA. Menurut George Brown,

*“We are looking for political bonus from our humanitarian efforts...we believe that our considerable contribution to Jordan will in fact have a larger impact in the Arab World than would a corresponding increase in the contribution to the UNRWA.”*⁹²

Walau bagaimanapun, pihak British turut mengakui bahawa mereka tidak boleh membantu Raja Hussein secara langsung sebaliknya perlu berselindung di sebalik kerja-kerja amal kemanusiaan tadi. Dalam satu memo sulit daripada Setiausaha Luar British kepada Perdana Menteri Harold Wilson mereka mengakui bahawa, *“There is no way in which we (UK) can intervene directly in Jordan to help King Hussein.”*⁹³ Justeru, menurut Setiausaha Luar British lagi, kaedah terbaik untuk membantu Raja Hussein kekal bertakhta ialah dengan mengurangkan ancaman *fedayeen* Palestin melalui bantuan kemanusiaan kepada para pelarian di Jordan. London berpendapatan bahawa emansipasi sosial dan pembangunan ekonomi di kem-kem pelarian akan mengurangkan kecenderungan pelarian daripada terpengaruh kepada kegiatan subversif gerakan *fedayeen*. Menurut penilaian Pejabat Luar British,

*“There is a risk that representations from us might prejudice the position of King Hussein. The only effective way in which King Hussein could be helped from outside (UK) would be if the “new” refugee’s problem could be made less acute since it is out of frustration and disappointment of the new refugees that the fedayeen have been able to develop their support in Jordan.”*⁹⁴

Selain daripada tindakan membantu Raja Hussein menguruskan masalah pelarian Palestin, pihak British juga membantu Raja Hussein untuk mengembalikan populariti baginda dalam kalangan tentera. Kekalahan tentera Jordan kepada Israel dalam perang Jun 1967 sememangnya telah menjatuhkan moral dan motivasi mereka. Pemulihan ketenteraan Jordan amat penting bagi mengelakkan mereka terpengaruh dengan anasir subversif dan radikalisme Arab yang boleh membawa kepada peristiwa kudeta tentera seperti mana yang berlaku di Mesir pada tahun 1952 dan di Iraq pada tahun 1958.⁹⁵ Justeru antara langkah serta merta yang diambil oleh pihak British ialah membekalkan regim Raja Hussein dengan bantuan persenjataan. Antaranya ialah bekalan peluru, kereta perisai dan kelengkapan senjata mulai awal tahun 1968 sehingga tahun 1970.⁹⁶ Kelengkapan persenjataan ini kemudiannya digunakan oleh regim Raja Hussain untuk memburu dan menghapuskan gerakan *fedayeen* Palestin yang mengancam takhta baginda. Kumpulan pejuang Palestin ini diburu khususnya di kem-kem pelarian mereka seperti di Irbid, Zerka, Jerash dan Ajlun.⁹⁷ Pada 16 September 1970 misalnya, Raja Hussein telah melancarkan misi ketenteraan ke atas pejuang *fedayeen* Palestin di kem-kem pelarian dan berjaya membunuh lebih 400 pejuang Palestin dan mencederakan lebih 2000 pejuang yang lain.⁹⁸ Kempen kemudiannya diteruskan pada 10 Julai 1971 di wilayah Jerash dan Ajlun selama tiga hari. Objektif misi ketenteraan ini ialah menghapuskan golongan *fedayeen* terutamanya di

kubu kuat mereka di Jabal Aqra dan Jabal Atimod. Dalam kempen ini, regim Raja Hussein dengan bantuan British telah berjaya membunuh lebih 600 pejuang *fedayeen* Palestin.⁹⁹

Seperti yang dinyatakan pada bahagian awal makalah ini, selain daripada isu pelarian Palestin, peristiwa penaklukan wilayah Baitul Maqdis Timur turut menjejaskan imej dan populariti kepimpinan Raja Hussein. Kegagalan Raja Hussein dalam menyelamatkan wilayah Baitul Maqdis Timur yang di dalamnya tersergam Masjid Al-Aqsa daripada penaklukan regim Yahudi-Zionis bukan sahaja menghampakan penduduk Palestin dan Arab, tetapi juga seluruh Dunia Islam. Justeru, dalam konteks ini pihak British telah mengambil beberapa inisiatif untuk memulihkan imej Raja Hussein dalam kerangka mempertahankan regim monarki ini. Natiujahnya, adalah mustahil untuk pihak British mendesak atau memaksa regim Tel Aviv 'memulangkan semula' wilayah Baitul Maqdis Timur kepada Raja Hussein seperti mana sebelum tahun 1967. Dalam ucapan di sesi tergepar ke-5 PBB di New York bagi membahaskan situasi krisis di Asia Barat ini, Setiausaha Luar George Brown telah menggunakan naratif diplomasi paling halus bagi memastikan kedua-dua seteru ini tidak akan mengancam kepentingan British. Berhubung penaklukan Baitul Maqdis, Brown dalam ucapannya di New York pada 20 Jun 1967 hanya memberikan amaran kepada Tel Aviv tanpa sebarang kritikan mahupun desakan yang jelas, apatah lagi mengesyorkan tindakan yang lebih keras seperti sekatan ekonomi dan ketenteraan terhadap Tel Aviv supaya regim Zionis itu 'berundur' dari wilayah Baitul Maqdis yang ditakluki. Dalam ucapan di New York itu, Brown hanya menyentuh secara ringkas tentang penaklukan Baitul Maqdis dengan menyatakan;

*"I call the State of Israel not to take any steps in relation to Jerusalem which would conflict its principle. I say very solemnly to the government of Israel that if they purport to annex the Old City or legislate for its annexation, they will be taking a step which will isolate them not only from world opinion but will also lose them support which they have."*¹⁰⁰

Selanjutnya menurut Brown lagi, ketika menjelaskan ucapan beliau di New York tadi di *House of Commons*,

*"I therefore went on in my speech in New York to warn the Israeli Government not to inject another complication into the situation which is already sufficiently complicated by purporting to annex the Old City...I am not asking for a return of a divided Jerusalem. Nor do I want to forecast what the arrangements may be, except to repeat what I said in New York that any lasting settlement of which they form part must, among other things, clearly recognize the right of all states concerned to live in true dignity and true freedom."*¹⁰¹

Pasca-Perang Enam Hari ini menyaksikan pihak British telah menggunakan pendekatan diplomasi paling halus dan licik bagi meredakan amarah dan kekecewaan bangsa Arab, Palestin dan umat Islam amnya terhadap Raja Hussein. Salah satu strategi diplomasi ini ialah ketika pihak British menaja pelan damai Asia Barat melalui Resolusi 242 PBB, 1967. Dalam proses menaja pelan damai ini, salah satu isu yang sensitif ialah berhubung dengan status Baitul Maqdis Timur tadi. Pihak British telah mempraktikkan strategi serampang dua mata iaitu memastikan hubungan mereka dengan negara-negara Arab dan Islam tidak terjejas dan dalam masa yang sama sebarang bentuk tindakan atau ucapan mereka tidak akan menyinggung Israel dan sekutu kuatnya Amerika Syarikat. Duta Britain ke PBB, Lord Caradon yang mengetuai pasukan yang merangka draf resolusi ini berusaha secara diplomatik bagi mengelakkan isu Baitul Maqdis menjadi halangan terbesar dalam menjayakan Resolusi 242. Justeru dalam draf resolusi yang kemudiannya diluluskan di PBB pada 22 November 1967, isu pengunduran tentera Israel dari wilayah Baitul Maqdis tidak dinyatakan dengan jelas sebaliknya diselindungi

dengan klausa ‘pengunduran tentera Israel dari wilayah yang diduduki secara umum sahaja’.¹⁰²

Kesimpulan

Raja Hussein telah mangkat pada 7 Februari 1999 selepas 40 tahun bertakhta tanpa berjaya menguasai semula wilayah Tebing Barat Palestin, termasuklah Baitul Maqdis yang ditakluki oleh Israel sejak tahun 1967. Walau bagaimanapun baginda akan sentiasa diingati kerana kejayaan dalam mempertahankan monarki Hashimiyyah yang telah diasaskan oleh datuk baginda, Raja Abdullah 1 sejak selepas Perang Dunia Pertama. Walaupun baginda terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran sepanjang bertakhta di Amman termasuklah ancaman daripada negara Arab revolusioner seperti Mesir, ancaman dari regim Israel dan krisis politik dengan pejuang dan organisasi politik Palestin serta kumpulan radikal Arab, baginda tetap bertahan dalam mengekalkan pemerintahan monarki Jordan. Kejayaan baginda ini tidak mungkin akan berjaya tanpa sokongan kuat daripada pihak British terutama pada era 1950-an sehingga era tahun 1970-an.

Bagi pihak British pula, rantau Asia Barat merupakan sebuah rantau yang sangat penting dari segi ekonomi dan strategik kepada London. Namun wilayah ini sering bergolak khususnya apabila tercetusnya konflik antara negara Arab dengan Israel yang tidak berkesudahan. Konflik ini pastilah mengancam kedudukan dan kepentingan pihak British di sana. Justeru salah satu strategi yang digunakan oleh pihak British ialah memberikan sokongan yang kuat kepada pemerintah monarki dan kerajaan Arab yang dianggap sebagai negara bukan revolusi seperti regim Raja Hussein di Jordan. Dalam konteks penglibatan Jordan ketika perang Arab-Israel pada Jun 1967, British berusaha untuk mengekalkan pemerintahan Raja Hussein agar tidak dijatuhkan sama ada oleh Israel mahupun kumpulan radikal Arab termasuk oleh pejuang-pejuang Palestin. Bagi pihak British, kejatuhan Raja Hussein akan menggugat kedudukan dan kepentingan tradisi London di wilayah Asia Barat yang strategik.

Biodata

* **Muhamad Hasrul Zakariah** (hasrul74@usm.my) merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Received: 5 November 2022

Reviewed: 27 November 2022

Accepted: 7 Disember 2022

Nota

¹ Al-Sharif Hussein bin Ali bin Muhammad bin Abdul-Mu'in bin Awn (*Ra'ee al-Hadlah*) didakwa berasal dari susur galur keturunan Rasulullah SAW dari keluarga Bani Hashim. Beliau menjadi Emir Mekah di bawah pemerintahan Empayar Turki-Uthmaniyyah. Untuk biografi lengkap beliau lihat misalnya, Mohammad Yunes Al-Abbadi, *The Papers of Al-Sharif Hussein bin Ali*, Amman: The Royal Aal al-Bayt Institute for Islamic Thought, 2020, hlm. 5-8.

² Roger Wm. Louis, *The British Empire in The Middle East 1945-1951: Arab Nationalism, the United States and Postwar Imperialism*, New York: Oxford University Press, 1984, hlm. 348.

³ Joint Planning Committee, JP (46) 27, 18 February 1946, file CAB 84/78, a minute in file CO537/1842-45, London: The National Archive.

⁴ A minute by C.W Baxter, 6 March 1946, file FO 371/52573, London: The National Archive.

⁵ Pihak British bersetuju memberikan kemerdekaan penuh kepada Transjordan dan mengiktiraf Abdullah sebagai Raja dengan syarat antaranya ialah kesediaan Abdullah untuk menjamin kedudukan politik, ekonomi dan

mengekalkan kedudukan tentera British di Transjordan. Sebagai balasan, pihak British juga bersedia memberikan bantuan kewangan kepada Transjordan termasuk bajet tahunan ketenteraan sebanyak £2 juta. Untuk perincian lihat dokumen A Memorandum by Chiefs of Staff Joint Planning Committee, JP (46) 27, file CAB 84/78, 15 February 1946. Juga dalam CAB 80/88 dan minit dalam fail CO 537/1842 dan fail FO 371/52572, London: The National Archive.

⁶ Louis, hlm.358.

⁷ Apabila tamatnya perang ini, Israel telah berjaya menakluki lebih 2,500 batu persegi wilayah-wilayah Arab. Dalam Pelan Pembahagian Palestin 1947, Yahudi diperuntukan 55 peratus wilayah dan Arab sebanyak 45 peratus. Namun selepas perang 1948, Israel telah menguasai 80 peratus tanah-tanah Arab Palestin. Lihat Ahron Bregman, *Israel's Wars: A History Since 1947*, New York: Routledge, 2016, hlm. 32.

⁸ Louis, hlm. 376, 369.

⁹ A letter from Sir Hugh Dow, Jerusalem to Michael Wright, Foreign Office, 15 Mac 1949, file FO371/75064, London: The National Archive.

¹⁰ Nigel Ashton, "King Hussein of Jordan", in Wright, Jonathan and Casey, Steven, (eds.), *Mental Maps in the Era of Détente and the End of the Cold War 1968–91*, Basingstoke: Palgrave Macmillan, Basingstoke, 2015, hlm. 97-113.

¹¹ Untuk perincian fasa-fasa penaklukan Israel ke atas Tebing Barat termasuk Baitul Maqdis, lihat Randolph S. Churchill and Winston S. Churchill, *The Six Day War*, London: Heinemann, 1967, hlm. 123-147. Juga perincian dalam Chaim Herzog, *The Arab Israeli Wars*, New York: Vintage Book, 1984, hlm. 167-183.

¹² Mark Tessler, *A History of the Israeli-Palestinian Conflict*, Bloomington: Indiana University Press, 1994, hlm. 401.

¹³ Randolph S. Churchill and Winston S. Churchill, *The Six Day War*, hlm. 147.

¹⁴ Hussein, King, *My War with Israel*, New York: Morrow, 1969, hlm. 96.

¹⁵ Kardo Karim Rached Mohammad and Ahmad Omar Bali, "The Six-Day War and Its Impact on Arab and Israeli Conflict", *History Research*, Vol. 7, No. 2, Mac-April 2017, hlm. 90-101.

¹⁶ Herzog, *The Arab Israeli Wars*, hlm. 183.

¹⁷ Hussein, hlm. 97.

¹⁸ Note "Jordan Economy If Israel Retain Control in West bank", in a letter from P. H Howel to C.R. A Rao, file OD 34/281, 16 Jun 1967, London: The National Archive.

¹⁹ Jordan Development Board, a report by Mr. Hudson, British Middle East Development Division, FCO in a letter from P.G.D Adams to George Brown, file OD 34/281, 18 September 1967, London: The National Archive.

²⁰ Mutawi, A. Samir, *Jordan in the 1967 War*, London: Cambridge University Press, 1987, hlm. 163-80.

²¹ A letter from P. H Howel to C.R. A Rao, 16 Jun 1967, in file OD 34/281, London: The National Archive.

²² Bregman, *Israel's Wars*, hlm. 87.

²³ Tessler, Mark, *A History of the Israeli-Palestinian Conflict*, Bloomington: Indiana University Press, 1994, hlm. 401-403.

²⁴ Tessler, hlm. 458.

²⁵ Allan G. Hill, "The Palestinian Population of the Middle East", *Population and Development Review*, Vol. 9, No. 2, Jun, 1983, hlm. 293-316

²⁶ Barari, A. Hasan, "Four Decades after Black September: A Jordanian Perspective", *Civil Wars*, Vol. 10, No.1, 2008, hlm. 231-243

²⁷ A diplomatic report no. 531/71 from HMG's Ambassador Amman to the Secretary of State for Foreign, file FCO 17/1415, 12 November 1971, London: The National Archive.

²⁸ A report by British Defence and Air Attaché, enclosed in a report by M.E Pike, Near Eastern Department, file FCO 17/145, 3 Ogos 1971, London: The National Archive.

²⁹ A statistic by UNRCWA, Amman, file FCO17/1087, 1970, London: The National Archive.

³⁰ A Report by R. I Morris, 1st Secretary (Labor) British Embassy, Beirut, "Social situation in Jordan, Britain and the New Displaced Person (DP)", file FCO 17/1087, 1970, London: The National Archive.

³¹ Hudson Michael, "Palestinians and Lebanon: The Common Story", *Journal of Refugee Studies*, Vol.10, No. 3, 1997, hlm. 242-260.

³² United Nations (UN) Document Supplement No. 13, AA/33/13, hlm. 1, in file FCO 17/1087, 1969, London: The National Archive.

³³ Hoda Baraka, "Palestinians in Lebanon: Chains of Misery (*Bound by the Law and the Market*)", *FMRS Working Paper*, No. 9, February 2008, hlm. 8

³⁴ A report "The Effect of the September's Crisis in Jordan and the *Fedayeen* Movement", in a letter from P.D Wheeler to Mr. Armitage, file FCO 93/92, 25 February 1971, London: The National Archive.

³⁵ A report by A.D. Boyle for the Defense Attaché, British Embassy, Amman, FCO 17/1375, 29 July 1971, London: The National Archive.

- ³⁶ A letter from J.F.S Phillips to J.P Tripps, Foreign Office, in file FCO 17/1062, 21 August 1970, London: The National Archive.
- ³⁷ A letter from D.G Crawford, Amman to M.F Daly, 1970, in file FCO 17/812, London: The National Archive.
- ³⁸ A report "Labor situation in Jordan-External Relation in Trade Union, 1967-1969", by R.L Morris, 1st Secretary of Labour, British Embassy, Jordan, FCO 17/1059, 1 February 1970, London: The National Archive.
- ³⁹ Morris, FCO 17/1059.
- ⁴⁰ Frangi Abdallah, *The PLO and Palestine*, London: Zed Books, 1983, hlm. 116.
- ⁴¹ Cobban, Helena, *The Palestine Liberation Organization: People, Power and Politics*, London: Cambridge University Press, 1984, hlm. 48-49.
- ⁴² A report by G.W Woodrow, Acting British Council General, Jerusalem to R.M Evans, FCO "West Bank situation political Affairs", in file FO17/1361, 5 October 1970, London: The National Archive.
- ⁴³ Tessler, *A History*, hlm. 457.
- ⁴⁴ Frangi Abdallah, *The PLO*, hlm. 115
- ⁴⁵ Jacob Abadi, "Jordan's King Hussein's Peace Initiative and the Treaty with Israel: Overcoming Domestic and Foreign Pressures", *International Relations and Diplomacy*, vol. 3, no. 9, September 2015, hlm. 642-659.
- ⁴⁶ Nigel Ashton, UK, hlm., 97-113.
- ⁴⁷ Rami Siklawi, "The Palestine resistance Movement in Lebanon 1967-82: Survival, Challenges and Opportunities", *Arab Studies Quarterly*, Vol. 39, No. 3, Summer 2017, hlm. 923-937.
- ⁴⁸ Mohamed Hawary, "Between the Right of Return and Attempts of Resettlements", in Joseph Giant and Edward J. Perkins, *The Palestinians Refugees: Old Problems—New Solutions*, Norman: University of Oklahoma Press, 2001, hlm. 34-43.
- ⁴⁹ B. J. Odeh, *Lebanon: Dynamics of Conflict*, London: Zed Books, 1985, hlm.10.
- ⁵⁰ Barari, *Four Decades*, hlm. 232
- ⁵¹ Vatikiotis, P. Jerasimof., *Nasser and His Generation*, London: Croom Held, 1978, hlm. 225
- ⁵² Untuk perincian, lihat *Joint Intelligence Committee's Report*, file CAB 163/71, 28 Mac 1968, London: The National Archive.
- ⁵³ A report by R. I Morris, First Secretary (Labour), "Labour situation in Jordan-external relation of trade union, 1967-1969", file FCO 17/1059, 1969, London: The National Archive.
- ⁵⁴ A report by C.P Carter (Jordan) to C. W Long, 6 May 1970 dan A report from J. A Shepherd to C. W Long, 16 January 1970, file FCO17/1059, London: The National Archive.
- ⁵⁵ Henry Cattan, "The Question of Jerusalem", *Arab Studies Quarterly*, Vol. 7, No. 2/3, 1985, hlm. 131-160
- ⁵⁶ Nader Ibrahim, Abdulrahman A. Al-Fawwaz dan Ahmad Kh. Al-Afif, "Jordanian Foreign Policy toward The Palestine Issue", *British Journal of Arts and Social Sciences*, Vol.8, No. 1, 2012, hlm. 97-118.
- ⁵⁷ Kirk B. Alecs, *A Crackle of Thrones: Experience in the Middle East*, London: John Murry, 1956, hlm. 4.
- ⁵⁸ Kaum Kanaan dan kemudiannya Filistin telah memerintah wilayah ini sehingga milenium pertama Sebelum Masihi yang kemudiannya ditakluki oleh komuniti Israel. Lihat Kirk, hlm. 3.
- ⁵⁹ Malcolm Kerr, "The Changing Political Status of Jerusalem", in Abu-Lughod, Janet L. (ed), *The Transformation of Palestine: Essay on the Origins and Development of The Arab Israeli Conflict*. Evanston: Northwestern University Press, 1971, hlm. 359
- ⁶⁰ Jumlah sebenar yang berasal dari Baitul Maqdis dari keseluruhan pelarian baharu ini tidak mempunyai angka yang tepat. Walau bagaimanapun berdasarkan rekod Palang Merah Antarabangsa, dianggar seramai lebih 7 ribu orang. Lihat Cattan, hlm.146.
- ⁶¹ Hussein, hlm. 156.
- ⁶² Jamal R. Nassar, "The Culture of Resistance: The 1967 War in the Context of the Palestinian Struggle", *Arab Studies Quarterly*, Vol. 19, No. 3, Summer 1997, hlm. 77-98.
- ⁶³ United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), 2013, A report, *The Palestinian Economy In East Jerusalem: Enduring annexation, isolation and disintegration*, New York: United Nations, hlm. 4-5.
- ⁶⁴ A letter from P.P Howard to C.R. A Rao, in file OD/34/281, 16 Jun 1967, London: The National Archive.
- ⁶⁵ *Jordan Annual Report*, The Central Bank of Jordan: Amman, 1968, No. 5, hlm. 9-10.
- ⁶⁶ Al-Tamimi, Anwar al- Khātib, *Ma'a Salāh al-Din fī al-Quds: ta'ammulāt wa-dhikrayāt*, 1989, Al-Quds: Dār al-Tibā'a al-Arābiyah, hlm., 179.
- ⁶⁷ Nanes, S., "Hashemitism, Jordanian National Identity, and the Abu Odeh Episode", *The Arab Studies Journal*, 18(1), 2010, hlm. 162-195.
- ⁶⁸ Gallets B. "Black September and Identity Construction in Jordan", *Journal of Georgetown University-Qatar. Middle Eastern Studies Student Association*, No.1, 2015, hlm. 1-9.
- ⁶⁹ Nikshoy C. Chatterji, *The History of the Middle East*. New Delhi: Sterling Publishers Limited, 1987, hlm. 497
- ⁷⁰ Rashid Khalidi, *The Iron Cage: The Story of the Palestinian Struggle for Statehood*, London: One World Publication, 2007, hlm. 128.
- ⁷¹ Rashid Khalidi, hlm. 135.

- ⁷² A telegram no. 500, from Mr. Man, British Embassy, Jeddah to Foreign Office, in file FCO 17/236, 17 July 1967, London: The National Archive.
- ⁷³ A report “the Arab Israel Dispute”, by Mr. Brown to Lord Caradon, file FO 1018/130, 3 January 1968, London: The National Archive.
- ⁷⁴ Rashid Khalidi, hlm., 136
- ⁷⁵ As quoted in a telegram no. 1263 from Sir David Ormsby-Gore, UK Ambassador to the United States to Mr. Marret, Foreign Office, FO 371/170182, 27 April 1963, London: The National Archive.
- ⁷⁶ Dalam perjanjian ini, Soviet bersetuju untuk memberikan kemudahan kredit sebanyak USD\$133 juta kepada Syria di samping pelbagai bantuan kelengkapan teknikal lain. Antara tahun 1955 hingga 1957 pula Syria telah membelanjakan hampir £100 juta bagi membeli kelengkapan perang dari Soviet dan sekutunya. Lihat Muhamad Hasrul Zakariah, “Kepentingan Strategik British dalam Perang Arab-Israel, 1967 dan Ancaman Soviet”, *SEJARAH: Journal of History Department*, Vol. 16, No.16, 2008, hlm. 149-168.
- ⁷⁷ Albana Reci, “A Historical-political Assessment of the Syrian Civil War, 2011-2017: Its consequences and its possible stabilization”, *SEJARAH: Journal of History Department*, Vol. 26, No. 2, December 2017, hlm. 84-97.
- ⁷⁸ A letter from A.J Maitland, to G. Hiller, Foreign Office, file FO 371/170182, May 1963, London: The National Archive.
- ⁷⁹ A telegram no. 4076 from Foreign Office to White Hall, file FO 371/170182, 28 April 1963, London: The National Archive.
- ⁸⁰ Konsesi ini ialah selama 75 tahun. Syarikat *British Petroleum* (BP) memiliki 50% saham dalam KOC dan kerajaan British pula memiliki separuh daripada ekuiti syarikat BP. Lihat Ayed Ateeq Juraid, “Kuwait Workers and Western Oil Companies, 1946-1960”, *SEJARAH: Journal of History Department, University of Malaya*, Vol. 30, No. 2, 2021, hlm. 85-99.
- ⁸¹ A telegram from Sir Robert. S. Crawford, Bahrain to Foreign Office, telegram no. 480, file FCO 17/236, 15 Julai 1967, London: The National Archive.
- ⁸² Tidak terkecuali ialah negara-negara Arab di Afrika Utara seperti Algeria, Tunisia dan Mesir. Lihat Laporan Minister of Power, file PREM 13/3327, 8 May 1968, London: The National Archive.
- ⁸³ Nilai kadar simpanan minyak syarikat BP dan British Shell di negara ini pula mencecah £775 juta pada tahun 1967. Lihat laporan “Netbook values of British Oil Company Assets in the Middle East dan Values of BP’s and Shell’s Middle East Reserve oleh Petroleum Division”, in a memo from S.W Freemantle to A.T Gregory, file POWE 63/560, 22 August 1969, London: The National Archive.
- ⁸⁴ Laporan “United Kingdom Export to Arab Countries, 1967”, Draft Cabinet Paper, file FCO 17/34, 1967, London: The National Archive.
- ⁸⁵ A memorandum by Foreign Secretary, George Brown, file PREM 13/1618 (6), 1967, London: The National Archive.
- ⁸⁶ A note by Sir Richard Beaumont, British’s Ambassador to Baghdad, file FCO 27/1 (11), 1967, London: The National Archive.
- ⁸⁷ A note on UK/US Talks, “economic review of Jordan, FCO 17/226, April 1967, London: The National Archive.
- ⁸⁸ A letter from Mr. C. R. A Rae, Ministry of Oversea Development to Mr. A. B Urwick, British’s Embassy, Washington, FCO 17/283, 7 July 1967, London: The National Archive.
- ⁸⁹ An appreciation letter from U-Thant, UN Secretary General to Lord Caradon, British’s Permanent Representatives to the UN, file FCO 17/126, 21 June 1967, London: The National Archive.
- ⁹⁰ A letter from J.M. A Herdman to W. Morris, “The Use of British Development Aid on The East and West Banks”, file FCO 17/168, 11 April 1967, London: The National Archive.
- ⁹¹ A Campaign Fund Raises for UNRWA, notes of UNRWA’s Liaison Group, file FCO 17/195, Jun 1967, London: The National Archive.
- ⁹² A note of Secretary of States visits to New York, file FCO17/2, 26 June 1967, London: The National Archive.
- ⁹³ A memo from George Brown to Harold Wilson, file FCO 17/221, 26 February 1968, London: The National Archive.
- ⁹⁴ A letter from A. R. More to Sir D. Allen, 28 February 1968, file FCO 17/221, 28 February 1968, London: The National Archive.
- ⁹⁵ Pada tahun 1952, kudeta tentera telah berlaku di Mesir di bawah pimpinan Kolonel Gemal Abdul Nasser yang mengakibatkan tamatnya pemerintahan Raja Farouk. Vatikiotis, *Nasser*, pp. 99-138. Lihat juga Anouar Abdel Malek, *Egypt: Military Society: The Army Regime, the Left, and Social Change Under Nasser*, in Charles Lam Markmann (trans.), New York: Random House, 1968. Sementelah itu, kudeta tentera juga teretus di Iraq pada tahun 1958 diketuai oleh Brigadier Jeneral Abd Karim Qasim yang menyebabkan tamatnya pemerintahan monarki Raja Faisal II. Lihat Hanna Batatu, *The Old Social Classes & The Revolutionary Movement In Iraq*, London: Saji Book, 2004
- ⁹⁶ Untuk perincian jumlah dan jenis senjata yang dibekalkan, lihat A report by J.P Tripp yang mengandungi minit *Defensive Talking Point*, Mr. Robert dan Raja Hussein at the Dorchester Hotel, London, file FCO 17/811, 26 September 1969, London: The National Archive.

⁹⁷ A report by D. G. Crawford (British Embassy, Amman) to M. F. Daly (Foreign Office, London), file FCO 17/812, 14 September 1969, London: The National Archive.

⁹⁸ A report by Foreign Office Research Department (Middle East Section), file FCO 17/1375, 23 February 1971, London: The National Archive.

⁹⁹ A report by A.D. Boyle for Defense & Air Attaché, British Embassy, Amman, file FCO 17/1375, 29 July 1971, London: The National Archive.

¹⁰⁰ Lihat teks ucapan Brown "Extract from George Brown's Speech of 21 June 1967 to the Fifth Emergency Session of the United Nations General Assembly", in Brenchley, Frank. *Britain, The Six-Day War and Its Aftermath*, London: I.B. Tauris, 2005, hlm. 143-149.

¹⁰¹ House of Commons, *Hansard*, 26 June 1967, Cols 91-92. Attached in Brenchley, hlm. 58-59

¹⁰² Lihat teks Resolusi PBB 242 dalam Brenchley, Appendix F, Security Council 242, 22 November 1967, hlm. 151-152.

RUJUKAN

Ahron Bregman, *Israel's Wars: A History Since 1947*, New York: Routledge, 2016.

Al-Tamīmī, Anwar al- Khātīb, *Ma'a Salāḥ al-Din fī al-Quds: ta'ammulāt wa-dhikrayāt*, Al-Quds: Dār al-Tibā'a al-Arābīyah, 1989.

Anouar Abdel Malek, "Egypt: Military Society: The Army Regime, the Left, and Social Change Under Nasser", in Charles L. Markmann (trans.), New York: Random House, 1968.

Ashton, Nigel, "King Hussein of Jordan", in Wright, Jonathan & Casey, Steven, (eds.) *Mental Maps in the Era of Détente and the End of the Cold War 1968–91*. Palgrave Macmillan: Basingstoke, UK, 2015.

Ayed Ateeq Juraid, "Kuwait Workers and Western Oil Companies, 1946-1960", *SEJARAH: Journal of History Department, University of Malaya*, Vol. 30, No. 2, 2021, hlm. 85-99.

Barari, A. Hasan, "Four Decades after Black September: A Jordanian Perspective", *Civil Wars*, Vol. 10, No.1, 2008, hlm. 231-243.

Cattan, H., "The Question of Jerusalem", *Arab Studies Quarterly*, Vol. 7, No. 2/3, 1985, hlm. 131-160.

Chatterji, C. Nikshoy, *The History of the Middle East*. New Delhi: Sterling Publishers Limited, 1987.

Churchill, S. Randolph & Churchill S. Winston, *The Six Day War*, London: Heinemann, 1967.

Cobban, Helena, *The Palestine Liberation Organization: People, Power and Politics*, London: Cambridge University Press, 1984.

Frangi Abdallah, *The PLO and Palestine*, London: Zed Books, 1983.

Gallets B. "Black September and Identity Construction in Jordan", *Journal of Georgetown University-Qatar*. Middle Eastern Studies Student Association, No. 1, 2015, hlm. 1-9.

Hanna Batatu, *The Old Social Classes & The Revolutionary Movement in Iraq*, London: Saqi Book, 2004.

Herzog, Chaim, *The Arab Israeli Wars*, New York: Vintage Book, 1984.

Hoda Baraka, "Palestinians in Lebanon: Chains of Misery (*Bound by the Law and the Market*)", *FMRS Working Paper*, No. 9, February 2008, hlm. 8.

Hudson Michael, "Palestinians and Lebanon: The Common Story", *Journal of Refugee Studies*, vol.10, No. 3, 1997, hlm. 242-260.

Hussein, (King), *My War with Israel*, New York: Morrow, 1969.

Hill, A.G., "The Palestinian Population of the Middle East", *Population and Development Review*, Vol. 9, No. 2, June 1983, hlm. 293-316.

Jacob A., "Jordan's King Hussein's Peace Initiative and the Treaty with Israel: Overcoming Domestic and Foreign Pressures", *International Relations and Diplomacy*, Vol. 3, No. 9, September 2015, hlm. 642-659.

Jamal R. Nassar, "The Culture of Resistance: The 1967 War in the Context of the Palestinian Struggle", *Arab Studies Quarterly*, Vol. 19, No. 3, Summer 1997, hlm. 77-98.

Jordan Annual Report, The Central Bank of Jordan: Amman, 1968, No. 5, hlm. 9-10.

Kardo Karim, Rached Mohammad & Ahmad Omar Bali, "The Six-Day War and Its Impact on Arab and Israeli Conflict", *History Research*, Vol. 7, No. 2, Mac-April 2017, hlm. 90-101.

Kirk B. A., *A Crackle of Thrones: Experience in the Middle East*, London: John Murry, 1956.

Louis, Wm. Roger, *The British Empire in The Middle East 1945-1951: Arab Nationalism, the United States and Postwar Imperialism*, New York: Oxford University Press, 1984.

Malcolm K., "The Changing Political Status of Jerusalem", in Abu-Lughod, Janet L. (ed), *The Transformation of Palestine: Essay on the Origins and Development of The Arab Israeli Conflict*. Evanston: Northwestern University Press, 1971.

Mohamed Hawary, "Between the Right of Return and Attempts of Resettlements", in Joseph Giant and Edward J. Perkins, *The Palestinians Refugees: Old Problems—New Solutions*, Norman: University of Oklahoma Press, 2001.

Mohammad Yunes Al-Abbadi, *The Papers of Al-Sharif Hussein bin Ali*, Amman: The Royal Aal al-Bayt Institute for Islamic Thought, 2020.

Mohamed Hawary, "Between the Right of Return and Attempts of Resettlements", in Joseph Giant & Edward J. Perkins, *The Palestinians Refugees: Old Problems—New Solutions*, Norman: University of Oklahoma Press, 2001.

Muhamad Hasrul Zakariah, "Kepentingan Strategik British dalam Perang Arab-Israel, 1967 dan Ancaman Soviet", *SEJARAH: Journal of History Department*, Vol. 16, No. 16, 2008, hlm. 149-168.

- Mutawi, A. Samir, *Jordan in the 1967 War*, London: Cambridge University Press, 1987.
- Nader Ibrahim, Abdulrahman A. Al-Fawwaz & Ahmad Kh. Al-Afif, "Jordanian Foreign Policy toward The Palestine Issue", *British Journal of Arts and Social Sciences*, Vol. 8, No. 1, 2012, hlm. 97-118.
- Nanes, S., "Hashemitism, Jordanian National Identity, and the Abu Odeh Episode ", *The Arab Studies Journal*, Vol. 18, No. 1, 2010, hlm. 162-195.
- Odeh, B.J., *Lebanon: Dynamics of Conflict*, London: Zed Books, 1985.
- Rami Siklawi, "The Palestine resistance Movement in Lebanon 1967-82: Survival, Challenges and Opportunities ", *Arab Studies Quarterly*, Vol. 39, No. 3, Summer 2017, hlm. 923-937.
- Rashid Khalidi, *The Iron Cage: The Story of the Palestinian Struggle for Statehood*, London: One World Publication, 2007.
- Reci, Albana, "A Historical-political Assessment of the Syrian Civil War, 2011-2017: Its consequences and its possible stabilization", *SEJARAH: Journal of History Department*, Vol. 26, No. 2, December 2017, hlm. 84-97.
- Tessler, M., *A History of the Israeli-Palestinian Conflict*, Bloomington: Indiana University Press, 1994.
- The National Archives' records, *file series FO, FCO, PREM, CAB, OD*, 1967-1970, London: The National Archive.
- United Nations (UN) Document Supplement No. 13, AA/33/13, 1969, file *FCO 17/1087*, London: The National Archive.
- United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), *The Palestinian Economy in East Jerusalem: Enduring annexation, isolation, and disintegration*, New York: United Nations, 2013.
- Vatikiotis, P. Jerasimof, *Nasser and His Generation*, London: Croom Held, 1978.